



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

KETETAPAN UMUM

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH
INDIVIDU BERMASTAUTIN**

KETETAPAN UMUM NO. 2/2005

TARIKH KELUARAN: 6 JUN 2005



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

KANDUNGAN

	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Potongan dibenarkan	2
4. Pencukaian suami dan isteri - seksyen 45 ACP	2
5. Prosedur membuat pilihan untuk pengagregatan pendapatan	6
6. Penentuan pendapatan bercukai	8
7. Potongan yang layak dituntut	8
8. Pemberian potongan mengikut status dan keadaan individu	16
- Kategori A - Bujang (termasuk duda atau janda)	17
- Kategori B - Berkahwin - suami dan isteri ditaksir secara berasingan	18
- Kategori C - Berkahwin - suami dan isteri ditaksir bersama	24
- Kategori D - Berkahwin - suami atau isteri mempunyai jumlah pendapatan manakala pasangan tiada jumlah pendapatan	35
- Kategori E - Berkahwin - suami mempunyai jumlah pendapatan manakala isteri tiada punca pendapatan	42
- Kategori F - Berkahwin - isteri mempunyai jumlah pendapatan manakala suami tiada punca pendapatan	43
9. Pengiraan Cukai Pendapatan	44
10. Rebat cukai	45
11. Tolakan kredit cukai daripada dividen - seksyen 110 ACP	60
12. Tolakan kredit dua belah pihak - seksyen 132 ACP	62
13. Tolakan kredit sebelah pihak - seksyen 133 ACP	62
14. Bayaran cukai isteri atau suami di bawah taksiran bersama	63
15. Bukti bayaran	63
16. Tarikh kuatkuasa	63



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**

1. Ketetapan Umum ini menerangkan:
 - i. potongan yang boleh dibenarkan kepada individu daripada jumlah pendapatannya di dalam mengira pendapatan bercukai untuk suatu tahun taksiran; dan
 - ii. pengiraan cukai pendapatan individu untuk suatu tahun taksiran.
2. Peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang bersangkutan dengan Ketetapan Umum ini adalah seksyen 2, 5, 6 hingga 6C, 7, 18, 45 hingga 51, 110, 132, 133, Jadual 1, Jadual 6 dan Jadual 7 ACP.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan Umum ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Anak” berhubung dengan individu atau isterinya, bermakna anak sah atau anak tiri atau anak angkat kepada individu atau isterinya.
 - 3.2 “Anak tiri” berhubung dengan individu atau isterinya, bermakna anak lelaki atau perempuan kepada suami atau isteri hasil daripada perkahwinan yang dahulu.
 - 3.3 “Anak angkat” berhubung dengan individu atau isterinya, bermakna anak yang diambil oleh individu atau isteri sebagai anak angkat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) atau di bawah mana-mana undang-undang lain (tidak semestinya undang-undang Malaysia) di mana pengangkatan anak itu diiktirafkan oleh Ketua Pengarah.
 - 3.4 “Individu” bermakna orang biasa.
 - 3.5 “Isteri” berhubung dengan individu, bermaksud seorang wanita (tidak kira sama ada atau tidak telah menjalani apa-apa upacara agama atau adat) yang dianggap di bawah mana-mana undang-undang atau adat sebagai seorang isteri kepada seorang lelaki atau salah seorang daripada beberapa isterinya.
 - 3.6 “Isteri yang memilih” berhubung dengan individu, bermakna isteri yang membuat pilihan supaya jumlah pendapatan beliau diagregatkan bersama jumlah pendapatan suami dan taksiran dibuat atas nama suami.
 - 3.7 “Jumlah pendapatan” untuk suatu tahun taksiran adalah pendapatan agregat ditolak kerugian perniagaan tahun asas, perbelanjaan di bawah Jadual 4, 4A dan derma wang tunai, sumbangan bentuk barangan, manuskrip, artifak dan lukisan di bawah seksyen 44 ACP.
 - 3.8 “Orang hilang upaya” bermakna individu yang telah disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai orang hilang upaya.
 - 3.9 “Pengamal perubatan” berhubung dengan potongan ke atas perbelanjaan perubatan bagi ibubapa, bermaksud ahli perubatan (dokter) yang berdaftar dengan Malaysia Medical Council (MMC).
 - 3.10 “Suami yang memilih” berhubung dengan isteri, bermakna suami yang membuat pilihan supaya jumlah pendapatan beliau diagregatkan bersama jumlah pendapatan isteri dan taksiran dibuat atas nama isteri.

- 3.11 "Tempoh asas" untuk suatu tahun taksiran bagi setiap punca pendapatan berhubung dengan individu, adalah tahun berakhir 31 Disember.
- 3.12 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.

4. Potongan dibenarkan

- 4.1 Ketetapan Umum ini merupakan sambungan kepada Ketetapan Umum No. 1/2005. Subseksyen 45(1) ACP menetapkan bahawa pendapatan bercukai individu dikira seperti berikut:

	RM	RM
Jumlah pendapatan		XX
Tolak: Potongan di bawah		
seksyen 45A ACP	XX	
seksyen 46 ACP	XX	
seksyen 46A ACP	XX	
seksyen 47 ACP	XX	
seksyen 48 ACP	XX	
seksyen 49 ACP	<u>XX</u>	<u>XX</u>
Pendapatan bercukai		<u>XX</u>

Penerangan terperinci berhubung dengan potongan di atas boleh diperolehi bermula daripada perenggan 6 Ketetapan ini.

4.2 Pencukaaian suami dan isteri - seksyen 45 ACP

- 4.2.1 Mengikut ACP, individu dan pasangan akan dicukai sebagai dua individu yang berasingan. Secara automatik, pendapatan daripada semua punca yang diperolehi oleh isteri akan ditaksir berasingan daripada pendapatan suami. Walau bagaimanapun, jika individu dan pasangan mendapati bahawa penggabungan jumlah pendapatan mereka akan mendatangkan tanggungan cukai yang lebih rendah, ACP membenarkan individu atau pasangan membuat pilihan supaya pendapatan mereka diagregatkan dalam satu taksiran bersama, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di bawah perenggan 4.2.3 dan 4.2.4 Ketetapan Umum ini.
- 4.2.2 Jika isteri membuat pilihan supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami, taksiran bersama hendaklah dibuat atas nama suami - (perenggan 45(2)(a) ACP). Begitu juga keadaan, jika suami membuat pilihan untuk diagregatkan jumlah pendapatannya dengan jumlah pendapatan isteri, taksiran bersama hendaklah dibuat atas nama isteri - (perenggan 45(2)(b) ACP).
- 4.2.3 Isteri boleh memilih supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami jika kesemua syarat berikut dipenuhi:-

- a. Isteri dan suami tinggal bersama dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran dan tidak berhenti tinggal bersama atau tidak berhenti menjadi suami isteri dalam tahun asas tersebut;
 - b. Isteri mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami; dan
 - c. Jika isteri tidak bermastautin dalam tahun asas untuk tahun taksiran, beliau hendaklah warganegara Malaysia.
- 4.2.4 Suami boleh memilih supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan pendapatan isteri jika kesemua syarat berikut dipenuhi:-
- a. Suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran dan tidak berhenti tinggal bersama atau tidak berhenti menjadi suami isteri dalam tahun asas tersebut;
 - b. Suami mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan isteri;
 - c. Jika suami tidak bermastautin dalam tahun asas untuk tahun taksiran, beliau adalah warganegara Malaysia;
 - d. Pengagregatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja; dan
 - e. Pilihan hanya sah jika isteri/isteri-isteri lain tidak memilih untuk mengagregatkan jumlah pendapatan mereka dengan jumlah pendapatan suami.

Contoh 1

Lim dan isteri, kedua-duanya bermastautin di Malaysia dan tinggal bersama dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004. Lim memilih taksiran bersama:

Pendapatan	Lim (RM)	Isteri (RM)
Penggajian	12,000	48,000
Dividen (kasar)	Tiada	3,000
Sewa	3,000	12,000

Pengiraan jumlah pendapatan suami dan isteri untuk tahun taksiran 2004 adalah:

Pendapatan	Taksiran bersama	
	Lim (RM)	Isteri (RM)
<i>Penggajian</i>	<i>12,000</i>	<i>48,000</i>
<i>Dividen</i>	<i>Tiada</i>	<i>3,000</i>
<i>Sewa</i>	<i><u>3,000</u></i>	<i><u>12,000</u></i>

<i>Jumlah pendapatan</i>	<u>15,000</u>	<u>63,000</u>
<i>Jumlah pendapatan suami dan isteri yang diagregatkan, iaitu RM15,000 + RM 63,000 = RM78,000 akan ditaksir atas nama isteri.</i>		

Contoh 2

Suhaimi dan isteri, Juriah, bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

Pendapatan	Suhaimi (RM)	Juriah (RM)
Perniagaan (kerugian)	(15,000)	Tiada
Penggajian	Tiada	37,000
Sewa	4,000	Tiada

Pengiraan jumlah pendapatan untuk tahun taksiran 2004 bagi tujuan pengagregatan adalah seperti berikut:

Pendapatan	Suhaimi (RM)	Juriah (RM)
<i>Pendapatan berkanun perniagaan</i>	<i>(rugi 15,000) Tiada</i>	<i>Tiada</i>
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	<i>Tiada</i>	<i>37,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<u>4,000</u>	<u>Tiada</u>
<i>Pendapatan agregat</i>	4,000	37,000
<i>Tolak: rugi tahun asas</i>	<u>4,000</u>	<u>Tiada</u>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<u>Tiada</u> <i>(rugi 11,000 di h/h)</i>	<u>37,000</u>

Dalam kes ini, pengagregatan pendapatan di antara Suhaimi dengan Juriah tidak dibenarkan kerana Suhaimi tidak mempunyai jumlah pendapatan yang boleh diagregatkan dengan jumlah pendapatan Juriah. Juriah akan ditaksir atas namanya sendiri. Bagi Suhaimi, kerugian (RM11,000) yang dialami akan dihantar ke tahun hadapan untuk ditolak daripada pendapatan perniagaan sahaja - (subseksyen 44(5)ACP).

Contoh 3

Khairul yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004, mempunyai dua orang isteri, iaitu Asmah dan Salmah. Kedua-duanya bekerja dan mempunyai jumlah pendapatan bagi tahun asas 2004. Asmah membuat pilihan dalam Borang Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran 2004 untuk diagregatkan pendapatannya dengan pendapatan suami.

Di sini, terdapat dua taksiran untuk tahun taksiran 2004 iaitu -

- i. *Taksiran bersama di antara Khairul dengan Asmah atas nama Khairul; dan*
- ii. *Taksiran berasingan atas nama Salmah. Ini adalah kerana Khairul layak membuat pengagregatan hanya bersama seorang isteri sahaja.*

4.2.5 Rangkaikata “tinggal bersama” membawa maksud tinggal bersama dengan niat. Misalnya, suami dan isteri dianggap sebagai tinggal bersama walaupun mereka berpisah buat sementara disebabkan salah seorang daripada mereka keluar atas urusan perniagaan ataupun bercuti. Biasanya, suami dan isteri dianggap tinggal bersama melainkan mereka berpisah -

- a. melalui perintah mahkamah;
- b. melalui surat ikatan perpisahan; atau
- c. di mana perpisahan tersebut berkemungkinan berkekalan.

4.2.6 Apabila suami dan isteri berhenti tinggal bersama sebagai suami isteri disebabkan berlakunya salah satu daripada tiga (3) keadaan di perenggan 4.2.5, syarat “tinggal bersama” bagi tujuan pengagregatan jumlah pendapatan suami dan isterinya tidak dipenuhi. Akibatnya,

- i. jumlah pendapatan bekas isteri tidak boleh diagregatkan dengan jumlah pendapatan bekas suami; dan
- ii. bekas isteri akan di taksir sebagai “femme sole” (iaitu sebagai seorang individu) yang mempunyai fail cukai pendapatan sendiri.

4.2.7 Apabila suami atau isteri meninggal dunia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran, pendapatan mereka akan ditaksir secara berasingan. Sekiranya suami meninggal dunia, isteri akan dicukai sebagai “femme sole”. Suami akan dicukai atas pendapatan beliau dari permulaan tahun asas sehingga tarikh kematian atas nama pentadbir harta pesaka si mati (suami). Begitu juga, jika isteri meninggal dunia, beliau akan dicukai atas pendapatan beliau atas nama pentadbir harta pesaka si mati (isteri) dari permulaan tahun asas sehingga tarikh kematian.

4.3. **Prosedur membuat pilihan untuk pengagregatan pendapatan**

4.3.1 Sebaik sahaja suami dan isteri masing-masing memperolehi Borang Cukai Pendapatan untuk suatu tahun taksiran, dua perkara penting perlu diputuskan -

- i. Pertama, sama ada suami dan isteri akan ditaksir secara berasingan atau akan memilih taksiran bersama; dan

- ii. Kedua, jika mereka memilih taksiran bersama, siapakah yang akan membuat pilihan.

Pilihan untuk taksiran bersama perlu dibuat semasa Borang Cukai Pendapatan dikemukakan ke LHDN, iaitu -

- bagi kes perniagaan - sebelum atau pada 30 Jun; dan
- bagi kes selain daripada perniagaan - sebelum atau pada 30 April.

Contoh 4

Ong dan isteri bermastautin di Malaysia dan tinggal bersama dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

Pendapatan	Ong (RM)	Isteri (RM)
Penggajian	36,000	18,000
Dividen (kasar)	5,000	Tiada
Sewa	Tiada	6,000

Jumlah pendapatan untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

Pendapatan	Ong (RM)	Isteri (RM)
<i>Penggajian</i>	<i>36,000</i>	<i>18,000</i>
<i>Dividen</i>	<i>5,000</i>	<i>Tiada</i>
<i>Sewa</i>	<i>Tiada</i>	<i>6,000</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i><u>41,000</u></i>	<i><u>24,000</u></i>

Dalam keadaan biasa, jumlah pendapatan untuk tahun taksiran 2004 yang ditaksir atas nama Ong adalah RM41,000 manakala jumlah pendapatan yang ditaksir atas nama isteri adalah RM24,000. Walau bagaimanapun, jika Ong atau isteri memilih taksiran bersama, jumlah pendapatan yang ditaksir atas nama isteri atau atas nama Ong adalah RM65,000 iaitu (RM41,000 + RM24,000).

- 4.3.2 Apabila jumlah pendapatan isteri diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami, isteri dianggap tidak mempunyai pendapatan bercukai untuk tahun taksiran tersebut. Begitu juga, jika jumlah pendapatan suami diagregatkan dengan jumlah pendapatan isteri, suami dianggap tidak mempunyai pendapatan bercukai untuk tahun taksiran berkenaan - (subseksyen 45(4) ACP).
- 4.3.3 Jika isteri memilih untuk ditaksir bersama suami, isteri dan suami perlu mengisi ruangan tertentu di dalam Borang Cukai Pendapatan masing-masing bagi membolehkan taksiran dibuat atas nama suami.

Sebagai contoh, jika isteri memilih taksiran bersama untuk tahun taksiran 2004, tindakan berikut perlu diambil -

- I. Isteri perlu mengisi ruangan berikut dalam Borang Cukai Pendapatannya:

Butiran	Jika Borang BE	Jika Borang B
Jenis taksiran	A7	A7
Taksiran di atas nama	A8	A8
Jumlah pendapatan di isi sebagai "0"	C16	C32
Jumlah pendapatan dipindahkan ke suami	C17a	C33a
Ansuran/potongan dipindahkan ke suami	C17b	C33b

- II. Isteri tidak perlu lagi mengisi ruangan berikut dalam Borang Cukai Pendapatannya:

Butiran	Jika Borang BE	Jika Borang B
Bahagian C: Jumlah pendapatan sendiri	C18a	C34a
Jumlah pendapatan yang dipindahkan daripada suami/isteri	C18b	C34b
Jumlah pendapatan	C18c	C34c
Pelepasan dan pendapatan bercukai	Bahagian D	Bahagian D
Cukai kena dibayar	Bahagian E	Bahagian E
Rumusan cukai dan bayaran	Bahagian F	Bahagian F

- III. Suami pula dikehendaki mengisi ruang berikut dalam Borang Cukai Pendapatannya:

Butiran	Jika Borang BE	Jika Borang B
Jumlah pendapatan sendiri	C18a	C34a
Jumlah pendapatan yang dipindahkan daripada isteri	C18b	C34b
Jumlah pendapatan	C18c	C34c
Ansuran/ potongan cukai berjadual dipindahkan daripada isteri	F3	F3

5. Penentuan pendapatan bercukai

- 5.1 Selepas selesai mengira jumlah pendapatan, individu boleh mengira pendapatan bercukai dengan menuntut beberapa potongan. Walau bagaimanapun, potongan hanya boleh dituntut oleh individu yang bermastautin di Malaysia sahaja. Terdapat dua jenis potongan iaitu -

- i. potongan yang tidak berdasarkan kepada perbelanjaan yang dilakukan; dan
- ii. potongan yang berdasarkan kepada perbelanjaan yang dilakukan dan dituntut.

5.2 Taraf mastautin individu ditentukan berdasarkan kiraan hari individu berada di Malaysia di dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran. Lampiran A dalam Ketetapan Umum ini menerangkan keadaan di mana individu adalah bermastautin di Malaysia bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran.

6. Potongan yang layak dituntut

6.1 Ringkasan potongan yang boleh dituntut dan diberikan kepada individu yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran adalah seperti berikut:

6.1.1 Potongan untuk diri dan saudara tanggungan - per. 46(1)(a) ACP
Jumlah potongan: RM8,000.

Huraian:

Layak dituntut oleh setiap individu yang mempunyai jumlah pendapatan dan dia ditaksir atas namanya sendiri.

6.1.2 Perbelanjaan rawatan perubatan bagi ibu bapa - per. 46(1)(c) ACP
Jumlah potongan: sehingga RM5,000.

Huraian:

- i. Ibubapa merujuk kepada ibubapa sebenar atau ibubapa angkat jika individu itu adalah seorang anak angkat.
- ii. Resit daripada pengamal perubatan diperlukan sebagai bukti pengesahan bahawa rawatan perubatan telah diberikan kepada ibubapa.
- iii. Jika resit dikeluarkan atas nama pesakit, individu yang menuntut hendaklah mendapatkan pengesahan doktor di atas resit bahawa caj perubatan tersebut sebenarnya telah dibayar oleh individu tersebut. Perbelanjaan perubatan yang layak termasuk:
 - a. rawatan perubatan dan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan
 - b. rawatan pergigian dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi, membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik seperti menggantikan dan membaik pulih yang melibatkan penyalutan, "root canal" dan gigi palsu.

6.1.3 Perbelanjaan peralatan sokongan asas untuk orang hilang upaya - per. 46(1)(d) ACP

Jumlah potongan: sehingga RM5,000.

Huraian:

Layak dituntut oleh individu atau pasangan yang telah melakukan perbelanjaan membeli mana-mana peralatan sokongan asas yang diperlukan bagi kegunaan:

- i. individu itu, jika dia hilang upaya; atau
- ii. pasangannya, jika pasangan hilang upaya; atau
- iii. anak, jika anak hilang upaya; atau
- iv. ibubapa individu/pasangan, jika ibubapa tersebut hilang upaya.

Alat sokongan asas termasuk mesin haemodialysis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin dan kanta mata.

6.1.4 Individu hilang upaya - per. 46(1)(e) ACP

Jumlah potongan: RM6,000 mulai T/T 2005 dan *RM5,000 sebelum T/T 2005.*

Huraian:

Layak dituntut oleh individu yang telah disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai orang hilang upaya.

6.1.5 Yuran pendidikan lanjutan - per. 46(1)(f) ACP

Jumlah potongan: sehingga RM5,000.

Huraian:

- i. Yuran hendaklah dibelanjakan oleh individu yang mengikuti mana-mana kursus pengajian (hingga ke peringkat lepasan ijazah) di mana-mana institusi di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- ii. Kursus pengajian hendaklah bertujuan memperolehi kemahiran atau kelayakan dalam bidang teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi.
- iii. Kemahiran saintifik bermaksud pengajian sistematik mengenai alam semulajadi dan tabiat ke atas bahan dan alam semesta seperti mana-mana bidang biologi, fizik, kimia, matematik, IT, kejuruteraan atau perubatan.
- iv. Pengajian dalam bidang sains politik, sains sosial, pengurusan, perakaunan, kewangan tidak layak digolongkan sebagai kursus bagi tujuan mendapatkan potongan ini.

6.1.6 Perbelanjaan perubatan untuk penyakit serius - per. 46(1)(g) ACP
Jumlah potongan: sehingga RM5,000.

Huraian:

- i. Perbelanjaan hendaklah dibelanjakan bagi merawat penyakit serius atas diri sendiri, pasangan atau anak.
- ii. Tuntutan perbelanjaan mesti dibuktikan dengan resit yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Malaysia Medical Council (MMC).
- iii. "Penyakit serius" termasuk Sindrom Kurang Daya Ketahanan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa.
- iv. "Lain-lain penyakit yang serupa" berhubung dengan penyakit serius termasuk serangan jantung, pulmonary hypertension, penyakit hati kronik, fulminant viral hepatitis, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melupuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ, pemotongan kaki dan/atau tangan.

6.1.7 Perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh - per. 46(1)(h) ACP

Jumlah potongan: sehingga RM500. Amaun ini adalah sebahagian daripada RM5,000 potongan di bawah penyakit serius - per. 46(1)(g) ACP.

Huraian:

- i. Pemeriksaan perubatan penuh yang dibenarkan adalah pemeriksaan yang dilakukan ke atas individu (diri sendiri), pasangan atau anak.
- ii. "Pemeriksaan perubatan penuh" bermaksud pemeriksaan perubatan secara menyeluruh seperti mana yang ditakrifkan oleh Malaysia Medical Council (MMC).
- iii. Jika perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh sehingga RM500 telah dituntut, potongan perbelanjaan perubatan untuk penyakit serius yang layak dituntut oleh individu adalah dihadkan kepada RM4,500.

6.1.8 Perbelanjaan bahan bacaan - per. 46(1)(i) ACP

Jumlah potongan: sehingga RM700 mulai T/T 2005 dan RM500 sebelum T/T 2005.

Huraian:

Perbelanjaan yang dibelanjakan untuk membeli buku, jurnal, majalah dan mana-mana penerbitan (dalam bentuk *hardcopy* atau elektronik) bagi mempertingkatkan pengetahuan diri, pasangan dan anak. Buku termasuk buku teks sekolah, terbitan berkala, komik sama ada dibeli di Malaysia atau di luar negeri tetapi tidak termasuk surat khabar atau bacaan yang terlarang seperti majalah lucah.

6.1.9 **Faedah pinjaman perumahan - sek. 46A ACP**

Jumlah potongan: sehingga RM5,000 bagi T/T 2003; RM3,000 bagi T/T 2004 dan RM2,000 bagi T/T2005.

Huraian:

Potongan ini adalah berhubung dengan perbelanjaan faedah atas pinjaman untuk membeli rumah kediaman bagi tempoh antara 1.6.2003 hingga 31.5.2004. Sila lihat Lampiran B untuk mendapat penerangan terperinci.

6.1.10 **Isteri - subsek. 47(1) ACP**

Jumlah potongan: RM3,000. Potongan tambahan RM3,500 mulai T/T 2005 dan *RM2,500 sebelum T/T2005*.

Huraian:

- i. Boleh dituntut oleh individu jika mempunyai isteri yang tinggal bersamanya dalam tahun asas. Potongan tambahan isteri diberi jika isteri berkenaan hilang upaya.
- ii. Individu masih layak menuntut potongan penuh dan potongan tambahan, walaupun berlaku perceraian ataupun kematian isteri dalam tahun asas.

6.1.11 **Bayaran alimoni kepada bekas isteri - subsek. 47(2) ACP**

Jumlah potongan: sehingga RM3,000. RM3,000 ini adalah sebahagian daripada potongan isteri di bawah subseksyen 47(1) ACP.

Huraian:

- i. Individu layak menuntut bayaran alimoni/nafkah kepada bekas isteri jika dalam tahun asas dia bercerai dengan isterinya dan dikehendaki oleh undang-undang membayar bayaran tersebut.
- ii. Bayaran nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan.

6.1.12 **Suami - sek. 45A ACP**

Jumlah potongan: RM3,000. Potongan tambahan RM3,500 mulai T/T2005 dan *RM2,500 sebelum T/T2005*.

Huraian:

- i. Potongan ini diberikan kepada isteri -
 - a. Jika suami memilih untuk ditaksir bersama isteri dan cukai ditaksir atas nama isteri; atau
 - b. Jika suami tiada jumlah pendapatan.
- ii. Potongan tambahan diberi jika suami hilang upaya.
- iii. Potongan hanya layak dituntut oleh seorang isteri sahaja.

6.1.13 **Anak - sek. 48 ACP**

Syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapat potongan anak adalah:

- a. Individu atau pasangan bermastautin di Malaysia;
- b. Individu atau pasangan membelanjakan sepenuhnya atau sebahagian untuk menyara anak; dan
- c. Anak berkenaan belum berkahwin.

I. Bagi anak berumur kurang daripada 18 tahun dalam tahun asas - per. 48(1)(a) ACP

- **Jumlah potongan:** RM1,000 seorang - (per. 48(2)(a) ACP).

II. Bagi anak berumur 18 tahun dan ke atas - per. 48(1)(b) & (c) ACP

- **Jumlah potongan:** RM1,000 seorang - (per. 48(2)(a) ACP).

Huraian:

Syarat tambahan yang perlu dipenuhi adalah anak tersebut mesti menuntut sepenuh masa.

III. Bagi anak berumur lebih daripada 18 - per. 48(1)(b) & (c) ACP

- **Jumlah potongan:** jumlah yang dibelanjakan dihadkan kepada RM4,000 seorang - subper. 48(3)(a)(i) ACP.

Huraian:

Anak tersebut sedang menerima pelajaran tinggi di universiti, kolej atau institusi pelajaran lain yang serupa dengannya sepenuh masa atau berkhidmat di bawah satu ikatan artikel/indentur untuk memperolehi kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia.

- **Jumlah potongan:** RM1,000 seorang - per. 48(2)(a) ACP.

Huraian:

Jika anak tersebut belajar di universiti, kolej atau institusi pelajaran lain yang serupa dengannya sepenuh masa atau berkhidmat di bawah satu ikatan artikel/indentur untuk memperolehi kelayakan perdagangan atau profesion di luar Malaysia.

IV. Anak cacat - per. 48(1)(d) ACP

- **Jumlah potongan:** RM5,000 seorang - per. 48(2)(b) ACP.

Huraian:

Individu/pasangan layak menuntut potongan anak cacat akal dan anggota yang belum berkahwin tanpa mengira umur anak dan sama ada anak tersebut menerima pengajian sepenuh masa.

Maklumat tambahan bagi potongan anak:

- Apabila seorang isteri ditaksir secara berasingan atas namanya sendiri, isteri tersebut boleh memilih dengan mengisi ruangan tertentu dalam Borang Cukai Pendapatannya supaya potongan penuh bagi anak yang bersesuaian diberikan kepadanya - (proviso kepada subsek. 48(1)ACP).

- Di mana dua atau lebih individu berhak menuntut potongan bagi bayaran yang dilakukan berhubung dengan anak yang sama, potongan anak yang layak diberikan kepada setiap individu adalah 50% daripada potongan yang layak - (subsek. 48(4) ACP).
- “Pengajian sepenuh masa” adalah bermaksud kurikulum pelajaran sebuah pertubuhan pelajaran menghendaki anak itu menumpukan sepenuh masa kepada pelajaran. Jika anak itu dikehendaki menghabiskan sebahagian masanya kerana belajar atau berlatih seperti pengajian muzik, kursus itu hendaklah kursus sepenuh masa.
- “Institusi pelajaran lain yang serupa dengannya” adalah bermaksud institusi pelajaran yang mempunyai status yang setaraf dengan sebuah universiti, kolej atau sekolah (mana berkenaan).
- “Berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur” adalah bermaksud anak yang belajar sambil bekerja di bawah suatu ikatan atau indentur itu dikehendaki menumpukan sepenuh masa beliau kepada latihan yang diberi untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun.
- Individu atau pasangan tidak layak menuntut potongan anak jika anak berkenaan menerima pendapatan sendiri yang melebihi had potongan yang dibenarkan. Sebagai contoh, jika pendapatan anak adalah RM6,000, sementara potongan yang layak dituntut oleh individu atau pasangan adalah RM4,000, individu atau pasangan tersebut tidak layak menuntut potongan ke atas anak itu - (subseksyen 48(5) ACP).
- Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak, iaitu:
 - a. amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elaun yang serupa dengannya - (per 24, jad. 6 ACP); dan
 - b. pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah ikatan artikel atau indentur. Pada permulaan latihan, amaun premium/bayaran kena dibayar oleh individu atau pasangan bagi membolehkan anak tersebut menerima latihan dengan majikan. Dengan itu, bayaran yang diterima oleh anak daripada majikan adalah dianggap sebagai bayaran balik premium dan bukan berupa gaji.

6.1.14 **Premium insurans nyawa dan caruman kepada kumpulan wang simpanan atau wang pencen yang diluluskan - sek. 49 dan 50 ACP**

Jumlah potongan: sehingga RM6,000 mulai T/T 2005 dan *RM5,000* sebelum T/T 2005.

Huraian:

Individu boleh menuntut potongan ke atas:

- a. bayaran premium insurans nyawa atau anuiti tanggahan;
- b. caruman kepada kumpulan wang simpanan atau wang pencen yang diluluskan seperti caruman yang dibuat oleh pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau caruman kepada KWSP oleh orang yang bekerja sendiri seperti mana ditakrifkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.
- c. "Insurans" dan "anuiti tanggahan" bermaksud insurans atau anuiti tanggahan yang dibeli oleh individu,
 - i. atas nyawa sendiri;
 - ii. atas nyawa isteri; atau jika individu seorang perempuan atas nyawa suaminya; atau
 - iii. atas nyawa individu bersama-sama isteri/isteri-isterinya atau jika individu itu seorang perempuan atas nyawanya bersama suaminya atau isteri/ isteri-isteri kepada suaminya;dan, insurans atau anuiti tanggahan hendaklah diikatjanji dengan -
 - i. sebuah syarikat insurans untuk mendapatkan wang kontan atau anuiti tanggahan atau kedua-duanya apabila kematian berlaku; atau
 - ii. suatu kerajaan, badan awam atau penguasa pengawalan mana-mana perniagaan insurans yang dimiliknegerakan.
- d. "Premium" berhubung dengan insurans adalah termasuk caruman atau ansuran yang kena dibayar di bawah skim takaful mengikut Akta Takaful 1984. Premium atas polisi insurans yang dibeli dengan syarikat di luar negeri yang tidak mempunyai cawangan di Malaysia juga dianggap sebagai premium yang layak.
- e. Hanya premium insurans yang telah dibayar boleh diberi potongan.
- f. Walau bagaimanapun, potongan tidak dibenarkan bagi:
 - i. Premium yang belum dibayar walaupun dianggap oleh syarikat insurans sebagai telah dibayar disebabkan adanya klausa 'non-forfeiture' dalam polisi; dan

- ii. Premium atau tunggakan yang tidak dibayar yang dibawa ke hadapan sebagai hutang dan ditolak daripada wang kontan apabila polisi matang atau polisi diserahkan.
- g. Hanya caruman wajib kepada kumpulan wang simpanan/pencen yang diluluskan sahaja layak diberi potongan disebabkan:
 - kontrak penggajian; atau
 - mengikut peraturan atau undang-undang kecil di bawah skim tersebut.

6.1.15 Premium insurans pendidikan atau manfaat perubatan - subsek. 49(1B) ACP

Jumlah potongan: Sehingga RM3,000.

Huraian:

- i. Polisi pendidikan hendaklah mempunyai kriteria berikut -
 - a. Polisi yang diambil adalah untuk diri sendiri, pasangan atau anak;
 - b. Benefisiari polisi adalah anak;
 - c. Jika orang yang diinsuranskan adalah ibu/bapa, manfaat insurans hendaklah hak milik anak sebagai nomini polisi;
 - d. Jika orang yang diinsuranskan adalah anak,
 - adalah wajib nyawa orang yang membayar premium (ibu/bapa) dilindungi (*payor benefit rider*);
 - jangka masa *rider* mestilah sama dengan polisi asas;
 - sekiranya *rider* dipakej bersama dengan polisi asas dengan hanya satu premium, kesemua premium yang dibayar dibenarkan sebagai potongan; dan
 - sekiranya ibu/bapa tidak layak untuk *payor benefit rider*, premium polisi asas tidak layak mendapat potongan;
 - e. untuk polisi takaful, peserta adalah ibu/bapa dan manfaat polisi mestilah dihibahkan kepada anak;
 - f. jumlah matang untuk polisi konvensional dan polisi takaful mestilah dijadualkan untuk bayaran semasa umur anak di antara 13 dan 25 tahun.
- ii. Polisi perubatan hendaklah mempunyai kriteri berikut -
 - a. perbelanjaan mestilah berkaitan dengan rawatan perubatan yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan atau ketidakupayaan;
 - b. jangka masa polisi adalah untuk tempoh 12 bulan atau lebih;
 - c. polisi boleh diperolehi secara berasingan atau sebagai *rider* kepada polisi insurans nyawa. Sekiranya sebagai *rider*, hanya premium *rider* sahaja yang layak dituntut sebagai potongan;

- d. di mana *rider* penyakit berat digandingkan dengan polisi asas, kesemua premium rider layak dituntut sebagai potongan;
- e. di mana perlindungan penyakit berat dipakej bersama perlindungan nyawa/kemalangan persendirian, 60% daripada premium layak dituntut sebagai potongan;
- f. pekerja yang membayar premium dalam polisi perubatan berkelompok layak mendapat potongan; dan
- g. *premium waiver benefit rider* dan insurans untuk perbelanjaan perubatan dan perjalanan tidak layak mendapat potongan.

6.1.16 Premium insurans melalui KWSP - subsek. 49(1C) ACP

Jumlah potongan : Sehingga RM1,000.

Huraian:

Potongan ini adalah berhubung dengan premium yang dibayar bagi pembelian polisi insurans yang ditentukan oleh Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

7. Pemberian potongan mengikut status dan keadaan individu

Amaun potongan yang layak dituntut dan diberikan kepada individu yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran bergantung kepada status dan keadaan individu tersebut dalam tahun asas yang berkenaan. Status dan keadaan individu boleh dikategorikan seperti berikut:

Status	Kategori
Bujang ¹	A. individu ditaksir atas nama sendiri
Berkahwin	B. suami dan isteri ditaksir berasingan
	C. suami dan isteri ditaksir bersama
	D. suami atau isteri jumlah mempunyai pendapatan manakala pasangan tiada jumlah pendapatan. Ditaksir atas individu yang mempunyai jumlah pendapatan
	E. suami mempunyai jumlah pendapatan manakala isteri tiada punca pendapatan. Ditaksir atas suami yang mempunyai jumlah pendapatan
	F. isteri mempunyai jumlah pendapatan manakala suami tiada punca pendapatan. Ditaksir atas isteri yang mempunyai jumlah pendapatan

¹ *bujang termasuk duda atau janda.*

7.1 Kategori A: Bujang (termasuk duda atau janda)

Bagi individu bujang yang bermastautin di Malaysia, amaun potongan yang layak dituntut adalah seperti berikut:

Potongan	Amaun
7.1.1 Diri dan saudara tanggungan	RM 8,000
7.1.2 Perubatan ibu/bapa	Terhad kpd RM5,000
7.1.3 Peralatan sokongan asas untuk diri, ibu/bapa, anak	Terhad kpd RM5,000
7.1.4 Individu hilang upaya	RM6,000
7.1.5 Yuran pendidikan untuk diri	Terhad kpd RM5,000
7.1.6 Perbelanjaan perubatan penyakit serius untuk diri atau anak	Terhad kpd RM5,000
7.1.7 Pemeriksaan perubatan penuh untuk diri atau anak	Terhad kpd RM500 ¹
7.1.8 Pembelian buku & majalah untuk diri atau anak	Terhad kpd RM700
7.1.9 Faedah pinjaman perumahan untuk diri	Lihat Lampiran B
7.1.10 Bagi duda: potongan isteri yang meninggal dunia dalam tahun asas atau alimoni kepada bekas isteri	Terhad kpd RM3,000
7.1.11 Anak - a. kurang daripada 18 tahun. b. berumur 18 tahun dan lebih - sedang belajar di sekolah, kolej atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur dalam atau luar Malaysia. c. berumur lebih daripada 18 tahun - sedang belajar di kolej atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur di Malaysia. d. anak cacat. Apabila berlaku perceraian terdapat dua atau lebih individu berhak menuntut potongan ke atas anak yang sama. Potongan anak yang layak diberikan kepada setiap individu adalah 50% daripada potongan yang layak.	RM1,000 seorang RM1,000 seorang RM4,000 seorang RM5,000 seorang 50% daripada potongan yang layak

Potongan	Amaun
7.1.12 Premium insurans & caruman KWSP untuk diri	Terhad kpd RM6,000
7.1.13 Premium insurans pendidikan & perubatan untuk diri atau anak	Terhad kpd RM3,000
7.1.14 Premium insurans melalui KWSP untuk diri	Terhad kpd RM1,000

¹Jumlah per. 7.1.6 dan per. 7.1.7 dihadkan kepada RM5,000.

Contoh 5 - potongan alimoni kepada bekas isteri

Lim bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2004. Dia bercerai dengan isterinya pada 1.3.2004 mengikut satu Perintah Mahkamah. Sepanjang tahun 2004, Lim membayar alimoni berjumlah RM10,000 kepada bekas isterinya.

Lim layak menuntut potongan alimoni bekas isteri tetapi dihadkan kepada maksimum RM3,000 untuk tahun taksiran 2004.

Contoh 6 - potongan isteri/potongan tambahan isteri

Derek dan isteri bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2004. Isteri beliau yang telah lama hilang upaya dan meninggal dunia pada 16.8.2004.

Walaupun isteri Derek meninggal dunia dalam tahun asas 2004, Derek masih layak menuntut potongan penuh isteri RM3,000 dan juga potongan tambahan RM2,500.

7.2 Kategori B: Berkahwin - suami dan isteri ditaksir secara berasingan

Suami dan isteri yang mempunyai jumlah pendapatan dan masing-masing ditaksir secara berasingan atas nama sendiri sebagai seorang individu, maka amaun potongan yang layak dituntut oleh setiap individu adalah seperti berikut:

Potongan	Amaun	
	Suami	Isteri
7.2.1 Diri dan saudara tanggungan	RM8,000	RM8,000
7.2.2 Perubatan ibubapa	Terhad kpd RM5,000	Terhad kpd RM5,000
7.2.3 Peralatan sokongan asas untuk diri, anak atau ibubapa	Terhad kpd RM5,000	Terhad kpd RM5,000
7.2.4 Individu hilang upaya untuk diri	RM6,000	RM6,000

Potongan	Amaun	
	Suami	Isteri
7.2.5 Yuran pendidikan untuk diri	Terhad kpd RM5,000	Terhad kpd RM5,000
7.2.6 Perbelanjaan perubatan penyakit serius untuk diri atau anak	Terhad kpd RM5,000	Terhad kpd RM5,000
7.2.7 Pemeriksaan perubatan penuh untuk diri atau anak	Terhad kpd RM500 ¹	Terhad kpd RM500 ¹
7.2.8 Pembelian buku & majalah untuk diri atau anak	Terhad kpd RM700	Terhad kpd RM700
7.2.9 Faedah pinjaman perumahan untuk diri	Lihat Lampiran B	
7.2.10 Alimoni kpd bekas isteri	Terhad kpd RM3,000	-
7.2.11 Anak: a. kurang drp 18 tahun. b. berumur 18 tahun & lebih - belajar di sekolah, kolej atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur dalam atau luar Malaysia. c. berumur lebih daripada 18 tahun - belajar di kolej, atau unversiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur di Malaysia. d. cacat.	Suami atau isteri RM1,000 seorang Suami atau isteri RM1,000 seorang Suami atau isteri RM4,000 seorang Suami atau isteri RM5,000 seorang	
7.2.12 Premium insurans & caruman KWSP untuk diri	Terhad kpd RM6,000	Terhad kpd RM6,000
7.2.13 Premium insurans pendidikan & perubatan untuk diri atau anak	Terhad kpd RM3,000	Terhad kpd RM3,000

Potongan	Amaun	
	Suami	Isteri
7.2.14 Premium insurans melalui KWSP untuk diri	Terhad kpd RM1,000	Terhad kpd RM1,000

¹Jumlah per. 7.2.6 dan per. 7.2.7 dihadkan kepada RM5,000.

7.2.15 Secara automatik suami dan isteri ditaksir berasingan atas nama sendiri kecuali mereka membuat pilihan untuk ditaksir bersama. Bagi isteri yang ditaksir secara berasingan atas nama sendiri, suami tidak layak mendapat potongan isteri - (subseksyen 47(4) ACP). Akan tetapi, suami masih lagi layak mendapat potongan bayaran alimoni kepada bekas isteri - (subseksyen 47(2) ACP). Bagi suami yang ditaksir berasingan atas nama sendiri, isteri tidak layak menuntut potongan suami.

Contoh 7 - potongan alimoni kepada bekas isteri

Lim dan isterinya, Janet, bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2004. Lim juga mempunyai seorang bekas isteri dan dia membayar alimoni sebanyak RM6,000 kepada bekas isteri tersebut setiap tahun. Lim dan Janet mempunyai jumlah pendapatan bagi berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan	Lim (RM)	Janet (RM)
Jumlah pendapatan	150,000	100,000

Lim tidak layak menuntut potongan isteri untuk tahun taksiran 2004 kerana Janet -

- *ditaksir secara berasingan atas nama sendiri; dan*
- *layak mendapat pelepasan individu RM8,000.*

Walau bagaimanapun, Lim layak menuntut bayaran alimoni kepada bekas isteri, tetapi dihadkan kepada RM3,000.

Bagi Janet, dia tidak layak menuntut potongan suami untuk tahun taksiran 2004 kerana Lim -

- *ditaksir secara berasingan atas nama sendiri; dan*
- *layak mendapat pelepasan individu RM8,000.*

7.2.16 **Contoh 8 - potongan perubatan penyakit serius**

Lee dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004 dan ditaksir secara berasingan. Mereka bekerja dalam tahun 2004 dan membelanjakan perbelanjaan perubatan seperti berikut:

Perbelanjaan	Lee (RM)	Isteri (RM)
Untuk diri kerana rawatan barah	4,000	Tiada
Untuk anak kerana rawatan leukemia	3,000	3,000

Untuk tahun taksiran 2004, Lee layak membuat tuntutan potongan maksimum RM5,000 berhubung dengan perbelanjaan perubatan untuk diri sendiri dan anak. Sementara itu, isteri Lee layak menuntut potongan RM3,000 yang dibelanjakan untuk anaknya.

- 7.2.17 Apabila isteri telah ditaksir secara berasingan atas nama sendiri, isteri tersebut hendaklah mengisi ruangan tertentu dalam Borang Cukai Pendapatannya supaya potongan penuh bagi anak diberikan kepadanya.

Contoh 9 - potongan anak

Manaf dan isteri bermastautin dan bekerja dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai 3 orang anak yang berumur di antara 4 hingga 12 tahun. Isteri Manaf tidak memilih taksiran bersama dan dia menuntut potongan bagi ketiga-tiga orang anak mereka. Pasangan suami isteri itu memperolehi pendapatan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Jenis pendapatan	Manaf (RM)	Isteri (RM)
Pendapatan berkanun penggajian	48,000	120,000
Pendapatan berkanun sewa	Tiada	24,000

Pengiraan pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

Jenis pendapatan/potongan	Manaf (RM)	Isteri (RM)
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	48,000	120,000
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<u>Tiada</u>	<u>24,000</u>
<i>Pendapatan agregat/jumlah pendapatan</i>	48,000	144,000
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri sendiri</i>	8,000	8,000
<i>Anak</i>	<u>Tiada</u> <u>8,000</u>	<u>3,000</u> ¹ <u>11,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>40,000</u>	<u>133,000</u>

¹ Pelepasan anak = 3 orang X RM1,000 seorang = RM3,000.

Contoh 10 - potongan anak

Nathan dan isteri bermastautin di Malaysia dan bekerja dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai 7 orang anak yang belum berkahwin. Maklumat lanjut berhubung dengan anak adalah seperti berikut:

Bil.	Nama anak	Umur pada 1 Jan.	Nama institusi pengajian	RM	Catatan
1.	John	25 thn 3 bln	Univ. of W.Australia	15,000	-
2.	Patrick	23 thn 9 bln	Univ. Bandung	10,000	-
3.	Ken	22 thn 1 bln	Univ. Malaya	7,000	-
4.	Jane	20 thn 5 bln	UKM	7,000	-
5.	Mike	Genap 18 thn	SMK Taman Tun	3,000	-
6.	Pauline	16 thn 2 bln	SMK Taman Tun	3,000	-
7.	Mary	14 thn 10 bln	tiada	5,500	Syndrom Down

Isteri Nathan tidak memilih taksiran bersama dan dia menuntut pelepasan bagi 3 orang anak yang tertua. Nathan dan isteri mempunyai pendapatan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Jenis pendapatan	Nathan (RM)	Isteri (RM)
Pendapatan berkanun pengajian	70,000	45,000
Pendapatan berkanun sewa	Tiada	12,000

Pengiraan pendapatan bercukai bagi Nathan dan isteri untuk tahun taksiran 2004 adalah:

Butiran	Nathan (RM)		Isteri (RM)	
<i>Pendapatan berkanun pengajian</i>		<i>70,000</i>		<i>45,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>		<i>Tiada</i>		<i>12,000</i>
<i>Jumlah pendapatan/pendapatan bercukai</i>		<i>70,000</i>		<i>57,000</i>
<i>Tolak:</i>				
<i>Diri</i>	<i>8,000</i>		<i>8,000</i>	
<i>Anak:</i>				
<i>Pertama</i>	<i>tiada</i>		<i>1,000</i>	
<i>Kedua</i>	<i>tiada</i>		<i>1,000</i>	
<i>Ketiga</i>	<i>tiada</i>		<i>4,000</i>	
<i>Keempat</i>	<i>4,000</i>		<i>tiada</i>	
<i>Kelima</i>	<i>1,000</i>		<i>tiada</i>	
<i>Keenam</i>	<i>1,000</i>		<i>tiada</i>	
<i>Ketujuh (anak cacat)</i>	<i>5,000</i>	<i>11,000</i>	<i>tiada</i>	<i>6,000</i>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<i>51,000</i>		<i>43,000</i>

- 7.2 18 Bagi individu dan pasangan yang bermastautin dan tidak memilih taksiran bersama, masing-masing layak menuntut potongan RM6,000 (RM5,000 sebelum tahun taksiran 2005) untuk potongan premium insurans dan caruman kumpulan wang simpanan pekerja yang diluluskan.

Contoh 11 - potongan premium insurans dan caruman KWSP

Jerry dan isterinya, Joyce, bermastautin di Malaysia, ditaksir secara berasingan untuk tahun taksiran 2004. Dalam tahun asas 2004, mereka membuat bayaran premium insurans dan caruman kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan seperti berikut:

Jenis bayaran	Jerry (RM)	Joyce (RM)
Insurans		
• Bayaran premium	2,500	1,800
• Wang yang dijamin	100,000	50,000
Caruman kepada KWSP	5,000	3,600

Jumlah bayaran yang dilakukan dalam tahun asas 2004 adalah seperti berikut:

Bayaran premium/ caruman	Jerry (RM)	Joyce (RM)
Bayaran premium insurans	2,500	1,800
Caruman kepada KWSP	<u>5,000</u>	<u>3,800</u>
Jumlah bayaran	<u>7,500</u>	<u>5,400</u>

Walaupun Jerry dan Joyce masing-masing membayar RM7,500 dan RM5,400, amaun potongan yang layak dituntut bagi premium insurans dan caruman KWSP oleh Jerry dan Joyce adalah dihadkan kepada RM5,000 setiap orang.

- 7.2.19 Jika individu dan pasangan ditaksir berasingan, masing-masing layak menuntut potongan sehingga RM3,000 untuk bayaran premium insurans pendidikan atau manfaat perubatan - (subseksyen 49(1B) ACP).

Contoh 12 - potongan premium insurans pendidikan dan perubatan

Mat dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Bagi tahun berakhir 31.12.2004, mereka mempunyai jumlah pendapatan dan membayar premium insurans seperti berikut:

Pendapatan/bayaran	Mat (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	120,000	100,000
Premium insurans pendidikan	2,000	1,500
Premium insurans perubatan	1,500	1,800

Premium insurans pendidikan dan perubatan yang layak dituntut oleh Mat dan isteri di dalam mengira pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	Mat (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	120,000	100,000
<i>Tolak:</i>		
Premium insurans pendidikan	2,000	1,500
Premium insurans perubatan	1,500	1,800
Jumlah bayaran sebenar	3,500	3,300
Potongan yang dibenarkan	3,000 ¹	3,000 ¹
Pendapatan bercukai	117,000	97,000

¹Amaun premium insurans pendidikan dan perubatan yang layak dituntut oleh Mat dan isteri masing-masing dihadkan kepada RM3,000 setiap orang (subseksyen 49(1B) ACP).

- 7.2.20 Jika individu dan pasangan ditaksir berasingan, masing-masing layak menuntut potongan sehingga maksimum RM1,000 untuk bayaran premium insurans yang dibeli melalui KWSP - (subseksyen 49(1C) ACP).

Contoh 13 - potongan premium insurans melalui KWSP

Wong dan isterinya, Alice yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004, masing-masing mempunyai jumlah pendapatan dan ditaksir berasingan. Mereka membayar premium bagi pembelian polisi insurans yang ditentukan oleh KWSP masing-masing berjumlah RM1,200 dalam tahun asas 2004.

Wong dan Alice masing-masing layak mendapat potongan ke atas bayaran premium insurans yang dibeli melalui KWSP itu dihadkan kepada maksimum RM1,000 untuk tahun taksiran 2004.

7.3 Kategori C: Berkahwin - suami dan isteri ditaksir bersama

Individu yang mempunyai jumlah pendapatan layak memilih untuk ditaksir bersama dengan pasangan mengikut perenggan 45(2)(a) dan 45(2)(b) ACP, dengan syarat pasangan juga mempunyai jumlah pendapatan. Amaun potongan yang layak dituntut oleh individu tersebut adalah seperti berikut:

Potongan	Amaun Suami atau isteri
7.3.1 Diri dan saudara tanggungan	RM8.000
7.3.2 Perubatan ibubapa sendiri	Terhad kpd RM5,000
7.3.3 Peralatan sokongan asas untuk diri, pasangan, anak atau ibubapa. Perbelanjaan dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM5,000

Potongan	Amaun Suami atau isteri
7.3.4 Individu hilang upaya untuk diri	RM6,000
7.3.5 Yuran pendidikan untuk diri	Terhad kpd RM5,000
7.3.6 Perbelanjaan perubatan penyakit serius untuk diri, pasangan atau anak. Perbelanjaan dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM5,000
7.3.7 Pemeriksaan perubatan penuh untuk diri, pasangan atau anak. Perbelanjaan dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM500 ¹
7.3.8 Pembelian buku & majalah untuk diri, pasangan atau anak. Perbelanjaan dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM700
7.3.9 Faedah pinjaman perumahan untuk diri dan pasangan	Lihat Lampiran B
7.3.10 Jika individu adalah suami - potongan isteri/isteri-isteri/alimoni kpd bekas isteri; dan potongan tambahan jika isteri hilang upaya. <i>Atau</i>	Terhad kpd RM3,000 RM3,500
7.3.11 Jika individu adalah isteri - potongan suami; dan potongan tambahan jika suami hilang upaya	RM3,000 RM3,500
7.3.12 Anak: a. kurang daripada 18 tahun. b. berumur 18 tahun & lebih - belajar di sekolah, kolej, universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur dalam atau luar Malaysia. c. berumur lebih daripada 18 tahun - belajar di kolej atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur di Malaysia. d. cacat.	RM1,000 seorang RM1,000 seorang RM4,000 seorang RM5,000 seorang
7.3.13 Premium insurans dan caruman KWSP untuk diri dan pasangan	Terhad kpd RM6,000

Potongan	Amaun Suami atau isteri
7.3.14 Premium insurans pendidikan dan perubatan untuk diri, pasangan atau anak	Terhad kpd RM3,000
7.3.15 Premium insurans melalui KWSP untuk diri	Terhad kpd RM1,000

¹Jumlah per. 7.3.6 dan per. 7.3.7 dihadkan kepada RM5,000.

- 7.3.16 Dalam kes taksiran bersama, hanya suami atau isteri yang mana taksiran di buat atas namanya sahaja layak menuntut potongan bagi perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan untuk ibubapa individu atau pasangan.

Contoh 14 - potongan perubatan ibubapa

Abu dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran 2004. Mereka mempunyai pendapatan daripada punca berikut dan melakukan perbelanjaan tersebut bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan/perbelanjaan	Abu (RM)	Isteri (RM)
Pendapatan berkanun penggajian	70,000	Tiada
Pendapatan berkanun sewa	Tiada	8,000
Perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan	3,800	2,000

Isteri Abu memilih taksiran bersama dengan suami di bawah perenggan 45(2)(a) ACP.

Potongan yang layak dituntut untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

Taksiran bersama		
Pendapatan/potongan	Abu (RM)	Isteri (RM)
Pendapatan berkanun penggajian	70,000	Tiada
Pendapatan berkanun sewa	Tiada	8,000
Jumlah pendapatan	70,000	8,000
Tolak:		
Jumlah pendapatan isteri		8,000
		tiada
Agregat jumlah pendapatan suami	70,000 + 8,000 = 78,000	
Tolak: Potongan		
Diri & saudara tanggungan	8,000	Tiada
Perbelanjaan perubatan	3,800	Tiada

Abu hanya berhak menuntut potongan perbelanjaan perubatan RM3,800 yang dibelanjakan ke atas ibubapa sendiri. Walau bagaimanapun, Abu

tidak berhak menuntut perbelanjaan perubatan RM2,000 yang dilakukan oleh isteri untuk perubatan ibubapanya.

- 7.3.17 Bagi potongan peralatan sokongan asas, apabila terdapat pengagregatan jumlah pendapatan di bawah subseksyen 45(2) ACP, amaun yang dibelanjakan oleh pasangan adalah dianggap telah dibelanjakan oleh individu dihadkan kepada maksimum RM5,000. Walau bagaimanapun, jika suami telah memilih taksiran bersama di bawah perenggan 45(2)(b) ACP, amaun yang dibelanjakan oleh suami adalah dianggap sebagai dibelanjakan oleh isteri yang layak mendapat potongan suami di bawah seksyen 45A ACP.

Contoh 15 - potongan peralatan sokongan asas

Tan dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai punca pendapatan dan melakukan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan/ perbelanjaan	Tan (RM)	Isteri (RM)
Pendapatan berkanun penggajian	60,000	30,000
Pendapatan berkanun sewa	Tiada	8,000
Membeli peralatan sokongan asas untuk anak	1,000	6,000

Isteri Tan memilih untuk taksiran bersama dengan Tan di bawah perenggan 45(2)(a) ACP.

Potongan yang layak dituntut untuk tahun taksiran 2004 adalah:

Pendapatan/ potongan	Taksiran bersama	
	Tan (RM)	Isteri (RM)
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	<i>60,000</i>	<i>30,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<i>Tiada</i>	<i>8,000</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>60,000</i>	<i>38,000</i>
<i>Tolak:</i>		
<i>Jumlah pendapatan isteri</i>		<i>38,000</i>
<i>Agregat jumlah pendapatan suami</i>	<i>60,000 + 38,000 =</i>	
	<i>98,000</i>	
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri & saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>	<i>Tiada</i>
<i>Peralatan sokongan</i>	<i>5,000</i>	<i>Tiada</i>

Perbelanjaan pembelian alat sokongan asas yang dilakukan oleh isteri adalah dianggap dilakukan oleh Tan. Walau bagaimanapun, amaun yang layak dituntut oleh Tan adalah dihadkan kepada maksimum RM5,000.

- 7.3.18 Bagi potongan perbelanjaan rawatan perubatan penyakit serius, dalam kes di mana pengagregatan pendapatan di bawah perenggan 45(2) ACP terpakai, perbelanjaan yang dibelanjakan oleh isteri yang memilih untuk taksiran bersama dianggap dibelanjakan oleh suami. Begitu juga keadaannya jika suami memilih ditaksir bersama isteri, perbelanjaan yang dibelanjakan oleh suami dianggap dibelanjakan oleh isteri.

Contoh 16 - potongan perubatan penyakit serius

Amran dan isterinya, Nurul, bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai punca pendapatan dan melakukan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan/ perbelanjaan	Amran (RM)	Nurul (RM)
Pendapatan berkanun penggajian	60,000	30,000
Pendapatan berkanun sewa	12,000	Tiada
Perbelanjaan rawatan penyakit kronik yang dihidapi oleh Amran	4,000	3,000

Isteri Amran memilih untuk taksiran bersama untuk tahun taksiran 2004.

Potongan yang layak dituntut untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

Pendapatan/ potongan	Taksiran bersama	
	Amran (RM)	Nurul (RM)
<i>Pendapatan berkanun pengggajian</i>	<i>60,000</i>	<i>30,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<i>12,000</i>	<i>Tiada</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>72,000</i>	<i>30,000</i>
<i>Tolak:</i>		
<i>Jumlah pendapatan isteri</i>		<i>30,000</i>
		<i>Nil</i>
<i>Agregat jumlah pendapatan suami.</i>	<i>72,000 + 30,000 = 102,000</i>	
<i>Tolak:</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>	
<i>Rawatan perubatan serius</i>	<i>5,000</i>	

Oleh kerana Nurul memilih untuk mengagregatkan jumlah pendapatannya dengan jumlah pendapatan Amran, perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Nurul adalah dianggap dibelanjakan oleh Amran. Dengan itu, Amran layak

menuntut potongan maksimum RM5,000 iaitu RM4,000 yang telah dibelanjakan olehnya dan RM1,000 yang telah dibelanjakan oleh Nurul.

- 7.3.19 Apabila terdapat pengagregatan pendapatan di bawah subseksyen 45(2) ACP, perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh yang dibelanjakan oleh suami atau isteri adalah dianggap telah dibelanjakan oleh isteri atau suami yang ditaksir atas namanya.

Contoh 17 - potongan pemeriksaan perubatan penuh

Soon dan isterinya, Annie, bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Bagi tahun taksiran 2004, Annie memilih untuk ditaksir bersama Soon. Mereka telah membayar pemeriksaan perubatan penuh seperti berikut:

Bayaran	Soon (RM)	Annie (RM)
Pemeriksaan perubatan penuh	300	250

Oleh kerana Annie memilih untuk ditaksir bersama Soon, maka perbelanjaan RM250 yang dibayar untuk pemeriksaan perubatan lengkap adalah dianggap telah dilakukan oleh Soon. Dengan itu, Soon layak menuntut potongan RM500 untuk tahun taksiran 2004, iaitu RM300 yang dibelanjakan untuk dirinya dan RM200 yang dibelanjakan oleh isterinya.

- 7.3.20 Bagi potongan pembelian buku, jurnal dan majalah, di mana terdapat pengagregatan jumlah pendapatan di bawah subseksyen 45(2) ACP, perbelanjaan yang dibelanjakan oleh suami atau isteri adalah dianggap telah dibelanjakan oleh isteri atau suami yang ditaksir atas namanya. Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan tertakluk kepada maksimum RM700 yang boleh dituntut oleh suami atau isteri yang ditaksir atas namanya.

Nota: Sebelum tahun taksiran 2004, amaun potongan yang dibenarkan adalah RM500.

Contoh 18 - potongan bagi bahan bacaan

Mahmud dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai jumlah pendapatan dan membuat perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan/perbelanjaan	Mahmud (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	60,000	50,000
Buku sekolah anak	2,000	tiada
Majalah	Tiada	500

Isteri Mahmud memilih taksiran bersama.

Perbelanjaan bagi pembelian majalah yang dibelanjakan oleh isteri adalah dianggap dilakukan oleh Mahmud. Walau bagaimanapun, amaun yang layak dituntut oleh Mahmud adalah dihadkan kepada maksimum RM500.

- 7.3.21 Dalam kes taksiran bersama, potongan isteri di bawah subseksyen 47(1) ACP atau potongan suami di bawah seksyen 45A ACP layak dituntut oleh suami atau isteri yang ditaksir atas namanya.

Contoh 19 - potongan isteri

Firdaus dan Faridah bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka berkahwin pada 30.6.2004 dan mempunyai punca pendapatan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan	Firdaus (RM)	Faridah (RM)
Perniagaan:		
- Pendapatan larasan	20,000	Tiada
- Elaun modal	15,000	
Pendapatan berkanun penggajian	Tiada	84,000
Pendapatan berkanun sewa	12,000	Tiada

Faridah memilih untuk ditaksir bersama dengan Firdaus untuk tahun taksiran 2004.

Dalam menentukan sama ada potongan isteri layak diberi kepada Firdaus untuk tahun taksiran 2004, adalah perlu untuk memastikan yang isteri layak dan memilih taksiran bersama dengan suami dan ini ditentukan seperti berikut:

Pendapatan	Firdaus (RM)	Faridah (RM)
<i>Pendapatan berkanun perniagaan (20,000-15,000)</i>	<i>5,000</i>	<i>Tiada</i>
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	<i>Tiada</i>	<i>84,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<i>12,000</i>	<i>Tiada</i>
<i>Pendapatan agregat/jumlah pendapatan</i>	<i>17,000</i>	<i>84,000</i>

Oleh kerana, Faridah mempunyai jumlah pendapatan, dia layak memilih untuk ditaksir bersama dengan suami. Dengan itu, Firdaus layak menuntut potongan isteri sebanyak RM3,000.

Contoh 20

Yaacob dan isterinya, Ros, mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

	Yaacob (RM)	Ros (RM)
Pendapatan berkanun penggajian	Tiada	50,000
Pendapatan berkanun sewa	7,000	Tiada

Yaacob memilih taksiran bersama dengan isteri di bawah perenggan 45(2)(b) ACP.

Pengiraan jumlah pendapatan untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

Pendapatan	Yaacob (RM)	Ros (RM)
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	<i>Tiada</i>	<i>50,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<i>7,000</i>	<i>tiada</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>7,000</i>	<i>50,000</i>
<i>Tolak:</i>		
<i>Jumlah pendapatan suami</i>	<i>7,000</i>	
	<i>Tiada</i>	
<i>Campur: jumlah pendapatan suami</i>		<i>7,000</i>
<i>Agregat jumlah pendapatan isteri</i>		<i>57,000</i>

Oleh kerana Yaacob mempunyai jumlah pendapatan, dia layak memilih taksiran bersama di bawah nama isteri - (perenggan 45(2)(b) ACP). Oleh yang demikian, Ros berhak mendapat potongan suami untuk tahun taksiran tersebut - (subseksyen 45A(b) ACP).

- 7.3.22 Jika suami atau isteri memilih taksiran bersama, isteri atau suami yang mana taksiran dibuat atas namanya sahaja layak mendapat potongan anak jika syarat di perenggan 6.1.13 bagi potongan anak dipenuhi.

Contoh 21 - potongan anak

Shah dan isterinya, Jehan, bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai 5 orang anak yang belum berkahwin dan maklumat anak adalah seperti berikut:

Bil.	Nama anak	Umur pada 1 Jan.	Nama institusi pengajian	Perbelanjaan RM	Catatan
1.	Yahya	23 tahun	Univ. of W. Aust.	RM20,000	-
2.	Ismail	20 thn 1 bln	Univ. Malaya	RM7,000	-
3.	Yusof	18 thn. 4bln	UKM - matrikulasi	RM2,000	-
4.	Malik	Genap 15 thn	SMK Taman Tun	RM3,000	-
5.	Rozila	7 thn 10 bln	Wisma Harapan	RM3,500	Sindrom Down

Shah memilih taksiran bersama. Dengan itu, Jehan layak menuntut potongan anak. Shah dan Jehan mempunyai pendapatan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Jenis pendapatan	Shah (RM)	Jehan (RM)
Pendapatan berkanun penggajian	25,000	70,000
Pendapatan berkanun sewa	Tiada	12,000

Pengiraan pendapatan bercukai bagi Jehan untuk tahun taksiran 2004 adalah:

Butiran	Shah (RM)	Jehan (RM)	
<i>Pendapatan berkanun</i>	<i>25,000</i>		<i>70,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<i>Tiada</i>		<i>12,000</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>25,000</i>		<i>82,000</i>
<i>Tolak: Jumlah pendapatan</i>	<i>25,000</i>		
	<i>Tiada</i>		
<i>Campur:</i>			
<i>Jumlah pendapatan suami</i>			<i>25,000</i>
<i>Agregat jumlah pendapatan Jehan</i>			<i>107,000</i>
<i>Tolak: potongan</i>			
<i>Diri</i>		<i>8,000</i>	
<i>Suami</i>		<i>3,000</i>	
<i>Anak: pertama</i>	<i>1,000</i>		
<i>kedua</i>	<i>4,000</i>		
<i>ketiga</i>	<i>1,000</i>		
<i>keempat</i>	<i>1,000</i>		
<i>kelima</i>	<i>5,000</i>	<i>12,000</i>	
<i>Pendapatan bercukai</i>			<i>23,000</i>
			<i>84,000</i>

- 7.3.23 Bagi potongan premium insurans dan caruman kepada kumpulan wang simpanan pekerja yang diluluskan, jika jumlah pendapatan individu diagregatkan dengan jumlah pendapatan pasangan atas taksiran bersama, individu yang ditaksir atas namanya layak menuntut potongan sehingga maksimum RM6,000 (RM5,000 sebelum tahun taksiran 2005). Jika pilihan untuk taksiran bersama dibuat oleh pasangan, maka amaun yang dibayar oleh pasangan adalah dianggap dibayar oleh individu - (perenggan 50(2)(a) dan subseksyen 50(3) ACP).

Contoh 22 - potongan premium insurans dan caruman KWSP

Raj dan isterinya, Jothy bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Jothy memilih untuk ditaksir bersama Raj. Raj dan Jothy mempunyai jumlah pendapatan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan	Raj (RM)	Jothy (RM)
Jumlah pendapatan	120,000	10,900

Raj dan Jothy juga melakukan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Jenis bayaran	Raj (RM)	Jothy (RM)
Insurans:		
Polisi 1: Wang yang dijamin atas nyawa sendiri Premium yang dibayar	175,500 12,500	Tidak berkeñaan
Polisi 2: Wang yang dijamin atas nyawa bersama Premium yang dibayar	100,000 5,200	Tidak berkeñaan
Polisi 3: Wang yang dijamin atas nyawa sendiri Premium yang dibayar	Tidak berkeñaan	50,000 3,600
Caruman kepada KWSP	3,600	1,200

Amaun yang layak dituntut untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

Bayaran premium/ caruman	Raj (RM)	Jothy (RM)
<i>Premium insurans</i>		
<i>Polisi 1:</i>	12,500	
<i>Polisi 2:</i>	5,200	
<i>Polisi 3:</i>		3,600
<i>Caruman KWSP</i>	<u>3,600</u>	<u>1,200</u>
<i>Jumlah bayaran</i>	<u>21,300</u>	<u>4,800</u>

Oleh kerana Jothy memilih untuk ditaksir bersama Raj, amaun premium insurans dan caruman KWSP yang dibayar oleh Jothy adalah dianggap telah dibayar oleh Raj - (perenggan 50(2)(a) dan subseksyen 50(3) ACP). Oleh yang demikian, Raj dianggap telah membayar sejumlah RM21,300 + RM4,800 = RM26,100. Walau bagaimanapun, dia hanya layak menuntut potongan RM5,000 sahaja.

- 7.3.24 Bagi potongan bayaran premium insurans pendidikan atau perubatan, jika jumlah pendapatan pasangan diagregatkan dengan jumlah pendapatan individu atas taksiran bersama, individu yang ditaksir atas namanya layak menuntut potongan sehingga maksimum RM3,000 - (perenggan 49(1B)(b) ACP).

Contoh 23 - potongan premium insurans pendidikan dan perubatan

Rudy dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Bagi tahun berakhir 31.12.2004, mereka mempunyai jumlah pendapatan dan membayar premium insurans seperti berikut:

Pendapatan/perbelanjaan	Rudy (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	80,000	70,000
Premium insurans pendidikan	2,000	1,500
Premium insurans perubatan	1,800	1,500

Isteri Rudy memilih taksiran bersama di bawah perenggan 45(2)(a) ACP supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan Rudy dalam taksiran di atas nama suami.

Rudy layak menuntut potongan premium yang dibayar oleh isterinya. Walau bagaimanapun, potongan premium insurans pendidikan dan perubatan yang layak dituntut oleh Rudy dihadkan kepada RM3,000 sahaja. Begitu juga keadaannya, jika Rudy memilih taksiran bersama atas nama isteri - (perenggan 45(2)(b) ACP), isteri layak menuntut potongan premium yang dibayar oleh Rudy. Akan tetapi, jumlah potongan bagi premium insurans yang layak dituntut oleh isteri adalah dihadkan kepada RM3,000 sahaja - (perenggan 49(1B)(b) ACP).

- 7.3.25 Jika jumlah pendapatan pasangan diagregatkan dengan pendapatan individu atas taksiran bersama, individu yang ditaksir atas namanya layak menuntut potongan untuk premium insurans bagi polisi yang dibeli melalui KWSP sehingga maksimum RM1,000 - (perenggan 49(1C) ACP).

Contoh 24 - potongan premium insurans melalui KWSP

Chew dan isteri tinggal bersama dan bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Isteri Chew memilih taksiran bersama di mana jumlah pendapatannya sebanyak RM20,000 diagregatkan dengan jumlah pendapatan Chew. Mereka mempunyai polisi insurans dan membayar premium seperti berikut:

Bayaran premium	Chew (RM)	Isteri (RM)
Polisi pendidikan	Tiada berkenaan	1,500
Polisi insurans melalui KWSP	3,000	Tiada berkenaan

Layanan cukai terhadap bayaran premium insurans pendidikan dan pembelian polisi insurans melalui KWSP untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

- a. *Chew sahaja yang layak membuat tuntutan potongan; dan*
- b. *Amaun yang layak dituntut oleh Chew adalah -*
 - i. *RM1,500 bagi premium tahunan polisi pendidikan yang dibayar oleh isteri - (subseksyen 49(1B) ACP); dan*
 - ii. *RM1,000 bagi premium polisi insurans yang dibeli melalui KWSP yang dibayarinya sendiri - (subseksyen 49(1C) ACP).*

7.4 Kategori D: Berkahwin - suami atau isteri mempunyai jumlah pendapatan manakala pasangan tiada jumlah pendapatan

Apabila suami atau isteri mempunyai jumlah pendapatan tetapi pasangannya tiada jumlah pendapatan, taksiran hendaklah dibuat atas nama suami atau isteri yang mempunyai jumlah pendapatan. Amaun potongan yang layak dituntut oleh suami atau isteri tersebut yang ditaksir sebagai individu adalah seperti berikut:

Potongan	Amaun
7.4.1 Diri dan saudara tanggungan	RM8,000
7.4.2 Perubatan ibubapa	Terhad kpd RM5,000
7.4.3 Peralatan sokongan asas untuk diri, pasangan, anak atau ibubapa. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM5,000
7.4.4 Individu hilang upaya untuk diri	RM6,000
7.4.5 Yuran pendidikan untuk diri	Terhad kpd RM5,000
7.4.6 Perbelanjaan perubatan penyakit serius untuk diri, pasangan atau anak. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM5,000
7.4.7 Pemeriksaan perubatan penuh untuk diri, pasangan atau anak. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM500 ¹
7.4.8 Pembelian buku & majalah untuk diri, pasangan atau anak. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM700

Potongan	Amaan
7.4.9 Faedah pinjaman perumahan diri. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu	Lihat Lampiran B
7.4.10 Jika individu adalah suami - potongan isteri/isteri-isteri/bayaran alimoni kepada bekas isteri; dan potongan tambahan jika isteri hilang upaya	Terhad kpd RM3,000 RM3,500
7.4.11 Jika individu adalah isteri - potongan suami; dan potongan tambahan jika suami hilang upaya	RM3,000 RM3,500
7.4.12 Anak: a. kurang daripada 18 tahun. b. berumur 18 tahun dan lebih - belajar di sekolah, kolej atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur dalam atau luar Malaysia. c. berumur lebih daripada 18 tahun - belajar di kolej atau universiti/ berkhidmat di bawah artikel/indentur di Malaysia. d. anak cacat.	RM1,000 seorang RM1,000 seorang RM4,000 seorang RM5,000 seorang
7.4.13 Premium insurans untuk diri dan pasangan. Perbelanjaan premium insurans yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu. Caruman KWSP untuk diri.	Terhad kpd RM6,000
7.4.14 Premium insurans pendidikan & perubatan untuk diri, pasangan atau anak. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM3,000
7.4.15 Premium insurans melalui KWSP untuk diri dan pasangan. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap dilakukan oleh individu.	Terhad kpd RM1,000

¹Jumlah per. 7.4.6 adalah sebahagian daripada per.7.4.7 dan dihadkan kepada RM5,000

- 7.4.16 Bagi tuntutan perbelanjaan berhubung dengan -
- i. Peralatan sokongan asas (perenggan 7.4.3);
 - ii. Perbelanjaan perubatan penyakit serius (perenggan 7.4.6);
 - iii. Pemeriksaan perubatan penuh (perenggan 7.4.7); dan
 - iv. Pembelian buku dan majalah (perenggan 7.4.8),

perbelanjaan yang dibelanjakan oleh suami atau isteri yang tiada jumlah pendapatan adalah dianggap dibelanjakan oleh isteri atau suami yang ditaksir. Walau bagaimanapun, jumlah yang layak dituntut dihadkan kepada sekatan masing-masing.

Contoh 25

John dan isterinya, Sally bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Dalam tahun asas, John mengidapi penyakit kencing manis yang mengakibatkan sebelah kakinya dipotong. John dan Sally mempunyai jumlah pendapatan dan membuat perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan/perbelanjaan	John (RM)	Sally (RM)
Jumlah pendapatan	Tiada (rugi perniagaan)	120,000
Peralatan sokongan asas	500	2,000
Rawatan penyakit serius	1,500	3,800
Pemeriksaan perubatan penuh	400	250
Pembelian buku dan majalah	100	450

Walaupun John tidak mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan Sally, semua perbelanjaan yang dibelanjakan oleh John dianggap dibelanjakan oleh Sally. Jumlah potongan yang layak dituntut oleh Sally adalah seperti berikut:

Jenis potongan	RM
<i>Peralatan sokongan asas</i>	<i>2,500</i>
<i>Rawatan penyakit serius</i>	<i>Terhad kpd 5,000</i>
<i>Pemeriksaan perubatan penuh</i>	<i>Tiada - RM500 adalah sebahagian daripada potongan rawatan penyakit serius</i>
<i>Pembelian buku dan majalah</i>	<i>Terhad kpd 500</i>

7.4.17 Bagi individu bermastautin di Malaysia yang mempunyai isteri yang tinggal bersamanya dalam suatu tahun asas dan isteri tiada jumlah pendapatan kerana:

- i. perniagaan mengalami kerugian; ataupun
- ii. perbelanjaan melebihi pendapatan kasar bagi punca bukan perniagaan,

suami masih layak menuntut potongan bagi isteri sebanyak RM3,000. Subseksyen 47(5)ACP memastikan bahawa hak pelepasan isteri kepada seorang individu tidak terjejas.

Contoh 26 - potongan isteri

Elman dan isterinya, Elli bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2004. Mereka mempunyai pendapatan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan	Elman (RM)	Elli (RM)
Penggajian	80,000	Tiada
Perniagaan (kerugian)	Tiada	(15,000)

Pengiraan jumlah pendapatan untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	Jumlah pendapatan (RM)
<i>Elman</i>	<i>80,000</i>
<i>Elli</i>	<i>Tiada</i>

Walaupun, Elli tidak boleh ditaksir bersama dengan suami kerana Elli tidak mempunyai jumlah pendapatan yang boleh diagregatkan dengan suami, tetapi suami layak menuntut potongan isteri sebanyak RM3,000 untuk tahun taksiran 2004 - (subseksyen 47(5) ACP). Sekiranya Elli seorang yang hilang upaya dan keadaan ini disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, potongan tambahan RM3,500 layak dituntut oleh Elman.

- 7.4.18 Potongan suami sebanyak RM3,000 (dengan tambahan RM3,500 jika suami hilang upaya) layak dituntut oleh isteri apabila suami tiada jumlah pendapatan kerana perniagaan mengalami kerugian ataupun perbelanjaan melebihi pendapatan kasar bagi punca bukan perniagaan. Jika suami mempunyai lebih daripada seorang isteri, potongan suami layak dituntut oleh seorang isteri sahaja - (proviso kepada seksyen 45A ACP).

Contoh 27 - potongan suami

Hafiz dan isterinya, Liza mempunyai pendapatan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan/ Rugi	Hafiz (RM)	Liza (RM)
Penggajian	Tiada	45,000
Sewa (kerugian) Perbelanjaan melebihi pendapatan	(6,000)	Tiada

Pengiraan jumlah pendapatan untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	Jumlah pendapatan (RM)
<i>Hafiz</i>	<i>Tiada</i>
<i>Liza</i>	<i>45,000</i>

Oleh kerana Hafiz tiada jumlah pendapatan, Liza layak mendapat potongan suami sebanyak RM3,000 untuk tahun taksiran 2004 - (subseksyen 45A(a) ACP). Jika Hafiz hilang upaya dan disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, potongan tambahan RM3,500 diberikan kepada Liza. Jika Hafiz mempunyai lebih daripada seorang isteri, hanya seorang isteri sahaja yang layak menuntut potongan suami.

- 7.4.19 Jika pasangan tidak mempunyai jumlah pendapatan, amaun premium insurans yang dibayar oleh pasangan tersebut adalah dianggap dibayar oleh individu di mana taksiran dibuat di atas namanya - (perenggan 50(2)(b) ACP). Amaun yang layak dituntut adalah dihadkan kepada maksimum RM6,000 (RM5,000 sebelum tahun taksiran 2005).

Contoh 28 - potongan premium insurans dan caruman KWSP

Ali dan isteri, yang tinggal bersama dalam tahun asas 2004 bermastautin di Malaysia. Ali tiada jumlah pendapatan kerana perniagaannya mengalami kerugian, sementara isterinya mempunyai jumlah pendapatan RM120,000. Mereka membayar premium insurans dan membuat caruman kepada KWSP bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Premium insurans/caruman KWSP	Ali (RM)	Isteri (RM)
Polisi 1:		
• Wang yang dijamin atas nyawa sendiri	10,000	
• Premium yang dibayar	700	
Polisi 2:		
• Wang yang dijamin atas nyawa bersama		30,000
• Premium yang dibayar		2,000
Caruman kepada KWSP		13,200

Amaun potongan premium insurans dan caruman KWSP untuk tahun taksiran 2004 hanya layak dituntut oleh isteri Ali kerana:

- Ali tiada jumlah pendapatan; dan*
- Isteri layak mendapat potongan bagi suami di bawah subseksyen 45A(a) ACP.*

Oleh yang demikian, premium insurans RM700 yang dibayar oleh Ali dianggap dibayar oleh isterinya - (perenggan 50(2)(b) ACP). Walau bagaimanapun, amaun yang layak dituntut oleh isteri Ali dihadkan kepada

RM5,000 sahaja. Dengan itu, pendapatan bercukai isteri untuk tahun taksiran 2004 adalah:

Isteri:	RM	RM
Jumlah pendapatan		120,000
Tolak:		
Potongan suami	3,000	
Diri dan saudara tanggungan	8,000	
Premium insurans dan caruman kepada KWSP		
• Sendiri (2,000 + 13,200) = 15,200		
• Suami	<u>700</u>	
	15,900 dihadkan	<u>16,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>104,000</u>

- 7.4.20 Jika pasangan tidak mempunyai jumlah pendapatan, amaun premium insurans pendidikan dan perubatan yang dibayar oleh pasangan adalah dianggap dibayar oleh individu yang ditaksir atas namanya - (perenggan 50(2)(b) ACP). Amaun yang layak dituntut adalah potongan sebenar dihadkan kepada maksimum RM3,000 - (subseksyen 49(1B) ACP).

Contoh 29 - potongan premium insurans pendidikan dan perubatan

Tay dan isteri, bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Tay mempunyai jumlah pendapatan RM150,000 sementara isterinya tidak mempunyai jumlah pendapatan kerana perniagaannya mengalami kerugian. Tay dan isteri membayar premium atas polisi insurans pendidikan dan perubatan seperti berikut:

	Tay (RM)	Isteri (RM)
Polisi pendidikan - premium yang dibayar	2,000	1,500
Polisi perubatan - premium yang dibayar	360	Tiada

Jumlah premium ke atas polisi pendidikan dan perubatan yang dibayar oleh Tay dan isteri untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM
Tay	2,360
Isteri	1,500

Tay layak menuntut bayaran premium atas polisi pendidikan yang dibayar oleh isterinya. Oleh yang demikian, amaun potongan premium insurans pendidikan dan perubatan yang layak dituntut oleh Tay di dalam mengira pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM	
<i>Jumlah pendapatan</i>		150,000
<i>Tolak: Diri dan saudara tanggungan</i>	8,000	
<i>Isteri</i>	3,000	
<i>Premium insurans:</i>		
• Pendidikan (2,000 + 1,500) = 3,500		
• Perubatan <u>360</u>		
<i>3,860 dihadkan</i>	<u>3,000</u>	<u>14,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>136,000</u>

- 7.4.21 Jika pasangan tidak mempunyai jumlah pendapatan kerana perniagaannya mengalami kerugian ataupun di mana perbelanjaan melebihi pendapatan kasar (bagi punca bukan perniagaan), amaun premium bagi insurans polisi yang ditentukan oleh KWSP yang dibayar oleh pasangan adalah dianggap dibayar oleh individu yang mana taksiran dibuat atas namanya - (perenggan 50(2)(b) ACP). Amaun yang layak dituntut adalah dihadkan kepada maksimum RM1,000.

Contoh 30 - potongan premium insurans melalui KWSP

Velu dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai seorang anak berumur 12 tahun. Bagi tahun berakhir 31.12.2004, Velu mempunyai pendapatan penggajian berjumlah RM140,000, sementara isterinya mengalami kerugian dalam perniagaan sebanyak RM10,000. Dalam tahun tersebut, Velu membayar premium atas polisi insurans seperti berikut:

Jenis bayaran	Dibayar oleh	
	Velu (RM)	Isteri (RM)
Polisi insurans atas nyawa sendiri	1,500	
Polisi insurans perubatan bersama	Tiada	1,800
Polisi insurans pendidikan anak	1,500	
Polisi insurans melalui KWSP	Tiada	1,500

Potongan yang layak dituntut oleh Velu dan pengiraan pendapatan bercukainya untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

	RM		
<i>Jumlah pendapatan</i>			140,000
<i>Tolak: potongan</i>			
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>		8,000	
<i>Isteri</i>		3,000	
<i>Anak</i>		1,000	
<i>Premium insurans</i>			
• <i>Nyawa - perenggan 49(1)(a) ACP</i>	1,500		
• <i>Perubatan & pendidikan - subseksyen 49(1B) ACP 1,800 + 1,500 = 3,300 dihadkan kpd</i>	3,000		
• <i>Polisi insurans melalui KWSP - subseksyen 49(1C) ACP 1,500 di hadkan kepada</i>	<u>1,000</u>	<u>5,500</u>	<u>17,500</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>			<u>122,500</u>

7.5 Kategori E: Berkahwin - suami mempunyai jumlah pendapatan manakala isteri tiada punca pendapatan. Ditaksir atas suami yang mempunyai jumlah pendapatan

Suami yang mempunyai jumlah pendapatan manakala isteri tiada punca pendapatan layak menuntut potongan berikut:

Potongan	Suami
7.5.1 Diri dan saudara tanggungan	RM8,000
7.5.2 Perubatan ibubapa	Terhad kpd RM5,000
7.5.3 Peralatan sokongan asas untuk diri, isteri, anak atau ibubapa	Terhad kpd RM5,000
7.5.4 Individu hilang upaya untuk diri	RM6,000
7.5.5 Yuran pendidikan untuk diri	Terhad kpd RM5,000
7.5.6 Perbelanjaan perubatan penyakit serius untuk diri, isteri atau anak	Terhad kpd RM5,000
7.5.7 Pemeriksaan perubatan penuh untuk diri, isteri atau anak	Terhad kpd RM500 ¹
7.5.8 Pembelian buku & majalah untuk diri, isteri atau anak	Terhad kpd RM700

Potongan	Suami
7.5.9 Faedah pinjaman perumahan untuk diri	Lihat Lampiran B
7.5.10 Isteri/ isteri-isteri/ bayaran alimoni kpd bekas isteri; dan potongan tambahan jika suami hilang upaya	Terhad kpd RM3,000 RM3,500
7.5.11 Anak: a. kurang drp 18 tahun. b. berumur 18 tahun & lebih - belajar di sekolah, kolej atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/ indentur dalam atau luar Malaysia. c. berumur lebih daripada 18 tahun - belajar di kolej, atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/ indentur di Malaysia. d. cacat	RM1,000 seorang RM1,000 seorang RM4,000 seorang RM5,000 seorang
7.5.12 Premium insurans & caruman KWSP untuk diri	Terhad kpd RM6,000
7.5.13 Premium insurans pendidikan & perubatan untuk diri atau anak	Terhad kpd RM3,000
7.5.14 Premium insurans melalui KWSP untuk diri	Terhad kpd RM1,000

¹Jumlah per. 7.5.6 adalah sebahagian daripada per.7.5.7 dan dihadkan kepada RM5,000

7.6 Kategori F: Berkahwin - isteri mempunyai jumlah pendapatan manakala suami tiada punca pendapatan. Ditaksir atas isteri yang mempunyai jumlah pendapatan

Isteri yang mempunyai jumlah pendapatan manakala suami tiada punca pendapatan layak menuntut potongan berikut:

Potongan	Isteri
7.6.1 Diri dan saudara tanggungan	RM8,000
7.6.2 Perubatan ibubapa	Terhad kpd RM5,000
7.6.3 Peralatan sokongan asas untuk diri, suami, anak atau ibubapa	Terhad kpd RM5,000
7.6.4 Individu hilang upaya untuk diri	RM6,000
7.6.5 Yuran pendidikan untuk diri	Terhad kpd RM5,000
7.6.6 Perbelanjaan perubatan penyakit serius untuk diri, suami atau anak	Terhad kpd RM5,000

Potongan	Suami
7.6.7 Pemeriksaan perubatan penuh untuk diri, suami atau anak	Terhad kpd RM500 ¹
7.6.8 Pembelian buku & majalah untuk diri, suami atau anak	Terhad kpd RM700
7.6.9 Faedah pinjaman perumahan untuk diri	Lihat Lampiran B
7.6.10 Anak: a. kurang drp 18 tahun. b. berumur 18 tahun & lebih - belajar di sekolah, kolej atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur dalam atau luar Malaysia. c. berumur lebih daripada 18 tahun - belajar di kolej, atau universiti/berkhidmat di bawah artikel/indentur di Malaysia. d. cacat.	RM1,000 seorang RM1,000 seorang RM4,000 seorang RM5,000 seorang
7.6.11 Premium insurans & caruman KWSP diri	Terhad kpd RM6,000
7.6.12 Premium insurans pendidikan & perubatan untuk diri atau anak	Terhad kpd RM3,000
7.6.13 Premium insurans melalui KWSP untuk diri	Terhad kpd RM1,000

¹Jumlah per. 7.6.6 adalah sebahagian daripada per.7.6.7 dan dihadkan kepada RM5,000.

7.6.14 Mengikut peruntukan ACP, isteri dalam kategori ini tidak layak mendapat potongan suami oleh kerana suami tiada punca pendapatan.

8. Pengiraan Cukai Pendapatan

- 8.1 Setelah pendapatan bercukai ditentukan, langkah seterusnya adalah untuk mengira cukai pendapatan kena dibayar/dibayar balik oleh/kepada individu. Bagi individu yang bermastautin, cukai pendapatan akan dikenakan ke atas pendapatan bercukai individu itu pada kadar skala mengikut Jadual 1 ACP - (lihat Lampiran C).

8.2 Format pengiraan cukai pendapatan kena dibayar oleh atau dibayar balik kepada individu adalah:

	RM	RM
Pendapatan bercukai		<u>XXXXX</u>
Cukai atas pendapatan bercukai XXXXX yang pertama		XX.XX
Cukai atas baki pendapatan bercukai XXXXX seterusnya @ XX %		<u>XX.XX</u>
Cukai pendapatan dikenakan		XX.XX
Tolak: Rebat cukai		
• Individu	XX	
• Pasangan	XX	
• Zakat dan fitrah	XX	
• Komputer peribadi	XX	
• Fi	<u>XX</u>	<u>XX.XX</u>
		XX.XX
Tolak: Kredit cukai		
• Kredit cukai dari dividen	XX	
• Kredit cukai dua belah pihak atas pendapatan luar negara di mana terdapat perjanjian pengelakan cukai dua kali	XX	
• Kredit cukai sebelah pihak atas pendapatan luar negara di mana tiada perjanjian pengelakan cukai dua kali	<u>XX</u>	<u>XX.XX</u>
Cukai pendapatan kena dibayar/dibayar balik		<u>XX.XX</u>

8.3 **Rebat cukai**

8.3.1 Rebat cukai ialah sejenis potongan cukai yang diberikan kepada individu yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran bertujuan untuk mengurangkan amaun cukai pendapatan kena dibayar oleh individu berkenaan. Amaun rebat cukai ditolak daripada cukai pendapatan dikenakan dalam mengira cukai kena dibayar. Terdapat dua jenis rebat cukai yang dibenarkan, iaitu -

- i. rebat cukai yang diberikan tanpa dikaitkan dengan sebarang perbelanjaan apabila syarat yang ditetapkan dipenuhi. Rebat cukai jenis ini ialah rebat persendirian; dan
- ii. rebat cukai yang diberikan apabila pembayar cukai melakukan perbelanjaan sebenar. Rebat jenis ini ialah bayaran zakat atau fitrah, belanja beli komputer peribadi bukan untuk perniagaan dan bayaran fi (levi) untuk pas penggajian, pas lawatan (kerja sementara) atau pas pekerja.

- 8.3.2 Mengikut subseksyen 6A(4) ACP, jika dalam suatu tahun taksiran, rebat cukai adalah lebih besar daripada cukai dikenakan, lebihan itu tidak boleh -
- i. dibayar balik kepada pembayar cukai; atau
 - ii. dibawa ke hadapan sebagai kredit untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatan individu untuk tahun-tahun taksiran berikutnya.
- 8.3.3 Rebat cukai individu - subseksyen 6A(2) ACP

Rebat cukai layak dituntut oleh individu yang bermastautin yang mempunyai pendapatan bercukai bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti berikut:

- i. individu yang dibenarkan potongan diri dan saudara tanggungan sebanyak RM8,000 di bawah perenggan 46(1)(a) ACP dan mempunyai pendapatan bercukai untuk tahun asas tersebut tidak melebihi RM35,000, diberikan rebat individu sebanyak RM350.
- iii. bagi suami yang diberi potongan isteri di bawah subseksyen 47(1) atau 47(2) dan pendapatan bercukai suami tersebut untuk tahun asas berkenaan tidak melebihi RM35,000, rebat cukai individu yang diberikan adalah RM350 untuk diri sendiri dan RM350 untuk isteri.
- iii. bagi isteri yang dibenarkan potongan suami di bawah seksyen 45A, (iaitu, suami tidak mempunyai jumlah pendapatan atau suami memilih untuk ditaksir bersama isteri) dan pendapatan bercukai isteri tidak melebihi RM35,000, jumlah rebat cukai individu yang diberikan adalah RM700 iaitu RM350 untuk diri sendiri dan RM350 untuk suami.

Contoh 31 - rebat cukai individu

Jane, yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004, mempunyai pendapatan penggajian sebanyak RM40,000 bagi tahun berakhir 31.12.2004. Dalam tahun itu, dia membuat caruman KWSP sebanyak RM440.

Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004 ditentukan seperti berikut:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>		40,000
<i>Tolak: Potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan -per 46(1)(a) ACP</i>	8,000	
<i>Caruman KWSP - per 49(1)(b) ACP</i>	<u>440</u>	<u>8,440</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u><u>31,560</u></u>

Oleh kerana Jane -

- bermastautin di Malaysia,
- layak mendapat potongan diri dan saudara tanggungan di bawah perenggan 46(1)(a) ACP, dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000, dia layak mendapat rebat cukai individu sebanyak RM350 bagi tahun asas 2004.

Cukai pendapatan kena dibayar untuk tahun taksiran 2004 oleh Jane adalah -

	RM
Cukai atas RM20,000 yang pertama	475.00
Cukai atas baki RM11,560 X 7% seterusnya	<u>809.20</u>
Jumlah cukai pendapatan dikenakan	1,284.20
Tolak: Rebat cukai individu - subseksyen 6A(2) ACP	<u>350.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar	<u><u>934.20</u></u>

Contoh 32 - rebat cukai individu

Lee dan isteri bermastautin dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai jumlah pendapatan dan membuat caruman KWSP bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

	Lee (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	39,000	24,000
Caruman kepada KWSP	429	264

Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004 bagi Lee dan isteri masing-masing ditentukan seperti berikut:

	Lee (RM)		Isteri (RM)	
Jumlah pendapatan	39,000		24,000	
Tolak: potongan				
Diri dan saudara tanggungan	8,000		8,000	
Caruman kepada KWSP	<u>429</u>	<u>8,429</u>	<u>264</u>	<u>8,264</u>
Pendapatan bercukai	<u><u>30,571</u></u>		<u><u>15,736</u></u>	

Oleh kerana Lee dan isteri masing-masing -

- bermastautin di Malaysia,
- layak mendapat potongan diri di bawah perenggan 46(1)(a) ACP, dan
- mempunyai pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000,

Lee dan isteri layak mendapat rebat cukai individu RM350 setiap orang.

Cukai pendapatan kena dibayar oleh Lee untuk tahun taksiran 2004 adalah -

	RM
<i>Cukai atas 20,000 yang pertama</i>	<i>475.00</i>
<i>Cukai atas baki 10,571 X 7%</i>	<i><u>739.97</u></i>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>	<i>1,214.97</i>
<i>Tolak : Rebate cukai individu - subseksyen 6A(2) ACP</i>	<i><u>350.00</u></i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>	<i><u><u>864.97</u></u></i>

Cukai pendapatan kena dibayar oleh isteri untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM
<i>Cukai atas 10,000 yang pertama</i>	<i>175.00</i>
<i>Cukai atas baki 5,736 X 3%</i>	<i><u>172.08</u></i>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>	<i>347.08</i>
<i>Rebate cukai individu - subseksyen 6A(2) ACP terhad kpd</i>	<i><u>347.08¹</u></i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>	<i><u>Tiada</u></i>

¹ *Walau bagaimanapun, pemberian rebat cukai individu kepada isteri adalah dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan dikenakan. Lebihan RM2.92 tidak boleh dibayar balik kepada beliau dan akan hangus begitu sahaja.*

Contoh 33 - rebat cukai individu dan pasangan

Rashdan dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Rashdan mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM25,000 sementara isterinya mempunyai jumlah pendapatan RM15,000. Isteri Rashdan memilih untuk ditaksir bersama suami di bawah perenggan 45(2)(a) ACP untuk tahun taksiran 2004.

Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004 ditentukan seperti berikut:

	RM	RM
<i>Jumlah pendapatan Rashdan</i>		<i>25,000</i>
<i>Jumlah pendapatan isteri</i>		<i><u>15,000</u></i>
<i>Agregat jumlah pendapatan</i>		<i>40,000</i>
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>	
<i>Isteri</i>	<i><u>3,000</u></i>	<i><u>11,000</u></i>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<i><u><u>29,000</u></u></i>

Oleh kerana Rashdan -

- bermastautin di Malaysia,
- layak mendapat potongan isteri di bawah perenggan 47(1)(a) ACP, dan
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000, beliau layak mendapat rebat cukai individu sebanyak RM700 iaitu RM350 untuk diri sendiri dan RM350 untuk isteri.

Cukai pendapatan kena dibayar oleh Rashdan untuk tahun taksiran 2004 adalah-

	RM	RM
Cukai atas 20,000 yang pertama		475.00
Cukai atas baki 9,000 X 7%		<u>630.00</u>
Jumlah cukai pendapatan dikenakan		1,105.00
Tolak: Rebate cukai individu		
Diri - per. 6A(2)(a) ACP	350.00	
Isteri - per. 6A(2)(b) ACP	<u>350.00</u>	<u>700.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar		<u>405.00</u>

Contoh 34 - rebat cukai individu dan pasangan

Sai Yuk, yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004 telah menceraikan isterinya pada 15.4.2004. Sai Yuk telah membayar alimoni sebanyak RM6,000 dalam tahun 2004 kepada bekas isteri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh mahkamah. Jumlah pendapatan Sai Yuk bagi tahun asas 2004 adalah RM46,000.

Pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004 ditentukan seperti berikut:

	RM	RM
Jumlah pendapatan		46,000
Tolak: potongan		
Diri dan saudara tanggungan	8,000	
Alimoni kepada bekas isteri - per. 47(2)(b) ACP	<u>3,000</u>	<u>11,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>35,000</u>

Oleh kerana Sai Yuk-

- bermastautin di Malaysia,
- layak mendapat potongan bekas isteri di bawah perenggan 47(2)(b) ACP, dan
- mempunyai pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000, beliau layak mendapat rebat cukai individu sebanyak RM700 iaitu RM350 untuk dirinya dan RM350 untuk bekas isteri.

Cukai pendapatan kena dibayar oleh Sai Yuk untuk tahun taksiran 2004 adalah-

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Cukai atas 35,000</i>		<i>1,525.00</i>
<i>Tolak: Rebat cukai individu</i>		
• <i>Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	<i>350.00</i>	
• <i>Bekas isteri - per. 6A(2)(b) ACP</i>	<i>350.00</i>	<i>700.00</i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<i><u>825.00</u></i>

Contoh 35 - rebat cukai individu dan pasangan

Faiz dan isterinya Faizah bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Jumlah pendapatan Faizah bagi tahun asas 2004 adalah RM44,000 sementara Faiz tiada jumlah pendapatan kerana pendapatan kasar daripada sewa adalah lebih kecil daripada perbelanjaannya.

Cukai pendapatan kena dibayar oleh Faizah untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>		<i>44,000</i>
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>	
<i>Suami - seksyen 45A(a) ACP</i>	<i>3,000</i>	<i>11,000</i>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<i><u>33,000</u></i>
<i>Cukai atas 20,000 yang pertama</i>		<i>475.00</i>
<i>Cukai atas baki 13,000 X 7%</i>		<i>910.00</i>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>		<i>1,385.00</i>
<i>Tolak: rebat cukai individu</i>		
<i>Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	<i>350.00</i>	
<i>Suami - per. 6A (2)(c) ACP</i>	<i>350.00</i>	<i>700.00</i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<i><u>685.00</u></i>

Contoh 36 - rebat cukai individu dan pasangan

Nizam dan isteri, Nik, bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Nizam mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM15,000 sementara isterinya pula mempunyai jumlah pendapatan RM30,000. Nizam memilih untuk ditaksir bersama isteri di bawah perenggan 45(2)(b) ACP untuk tahun taksiran 2004.

Oleh kerana Nizam memilih untuk ditaksir bersama isteri untuk tahun taksiran 2004, Nizam dianggap sebagai tidak mempunyai

pendapatan bercukai untuk tahun taksiran tersebut. Taksiran cukai untuk tahun taksiran 2004 adalah di buat atas nama Nik. Pendapatan bercukai Nik untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

	RM
<i>Jumlah pendapatan individu</i>	<i>30,000</i>
<i>Jumlah pendapatan suami</i>	<i><u>15,000</u></i>
<i>Agregat jumlah pendapatan - per. 45(2)(b) ACP</i>	<i>45,000</i>
<i>Tolak: potongan</i>	
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>
<i>Suami - subseksyen 45A(b) ACP</i>	<i><u>3,000</u></i>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<i><u><u>34,000</u></u></i>

Oleh kerana Nik -

- bermastautin di Malaysia,*
- layak mendapat potongan suami di bawah subseksyen 45A(b) ACP, dan*
- mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000, dia layak mendapat rebat cukai individu sebanyak RM700 iaitu RM350 untuk diri dan RM350 untuk suami.*

Cukai pendapatan kena dibayar oleh Nik untuk tahun taksiran 2004 adalah -

	RM
<i>Cukai atas 20,000 yang pertama</i>	<i>475.00</i>
<i>Cukai atas baki 14,000 X 7%</i>	<i><u>980.00</u></i>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>	<i>1,455.00</i>
<i>Tolak: rebat cukai individu</i>	
<i>• Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	<i>350.00</i>
<i>• Suami - per. 6A(2)(c) ACP</i>	<i><u>350.00</u></i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>	<i><u><u>755.00</u></u></i>

8.3.4 Rebat cukai atas bayaran zakat atau fitrah - subseksyen 6A(3) ACP

- i. Individu bermastautin di Malaysia yang mempunyai pendapatan bercukai layak menuntut rebat cukai atas bayaran zakat, fitrah atau lain-lain yang diwajibkan oleh agama Islam kepada pihak berkuasa agama yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Jumlah rebat yang dibenarkan kepada individu adalah dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan yang dikenakan untuk suatu tahun taksiran.

- “Pihak berkuasa agama yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis” adalah termasuk Pusat Pungutan Zakat dan Majlis Ugama Islam Negeri.
 - “Undang-undang bertulis” bermaksud enakmen perundangan atau instrumen perundangan yang berkuatkuasa di Malaysia.
- ii. Bagi individu dan isteri yang ditaksir berasingan, masing-masing layak mendapat rebat cukai ke atas zakat yang mereka bayar.
- iii. Mengikut peruntukan ACP, jika -
- isteri memilih taksiran bersama atas nama suami; atau
 - suami memilih taksiran bersama atas nama isteri,
- hanya suami atau isteri yang ditaksir sahaja layak mendapat rebat cukai bagi zakat yang dibayar olehnya. Dengan itu, zakat yang bayar oleh isteri atau suami yang memilih taksiran bersama tidak layak mendapat potongan rebat zakat terhadap jumlah cukai dikenakan atas pasangan yang ditaksir.

Walau bagaimanapun, secara amalan, bayaran zakat yang dibayar oleh isteri yang memilih atau suami yang memilih adalah diberi potongan rebat zakat terhadap jumlah cukai dikenakan atas pasangan yang ditaksir.

- iv. Mengikut peruntukan ACP, zakat yang dibayar oleh isteri yang tidak bekerja dan tidak mempunyai apa-apa punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan tidak boleh diberi potongan rebat zakat terhadap jumlah cukai dikenakan atas suami.

Walau bagaimanapun, secara amalan, bayaran zakat tersebut adalah diberi potongan rebat zakat terhadap cukai yang dikenakan atas suami.

Contoh 37 - bayaran zakat kepada pihak berkuasa agama

Aboo dan isteri, bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Isteri Aboo tidak bekerja. Aboo mempunyai jumlah pendapatan dan membayar zakat bagi tahun asas 2004 seperti berikut:

	RM	RM
Jumlah pendapatan		370,000
Zakat dibayar kepada:		
• Majlis Ugama Islam Selangor	5,000	
• Pusat pungutan zakat di Pakistan	5,000	

Pengiraan potongan zakat dan jumlah cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Aboo untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>		370,000
<i>Tolak:</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	8,000	
<i>Isteri</i>	<u>3,000</u>	<u>11,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>359,000</u>
<i>Cukai atas 250,000</i>		54,975.00
<i>Cukai atas baki 109,000 X 28%</i>		<u>30,520.00</u>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>		85,495.00
<i>Tolak: rebat zakat ¹</i>		<u>5,000.00</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<u>80,495.00</u>

¹ Hanya zakat yang dibayar kepada Majlis Ugama Islam Selangor dibenarkan potongan rebat. Bayaran zakat yang dibuat kepada pusat pungutan zakat di Pakistan tidak boleh dituntut sebagai rebat kerana pusat pungutan zakat tersebut tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia.

Contoh 38 - rebat zakat kepada individu

Zakri dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Zakri mempunyai jumlah pendapatan RM45,000 bagi tahun berakhir 31.12.2004 manakala isteri beliau tidak bekerja. Zakri membuat bayaran berikut:

- i. Caruman kepada KWSP berjumlah RM4,950; dan
- ii. Zakat dan fitrah berjumlah RM450.

Pengiraan rebat zakat dan cukai pendapatan kena dibayar untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>		45,000
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	8,000	
<i>Isteri</i>	3,000	
<i>Caruman KWSP</i>	<u>4,950</u>	<u>15,950</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>29,050</u>

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
--	-----------	-----------

<i>Cukai atas 20,000 yang pertama</i>		475.00
<i>Cukai atas baki 9,050 X 7%</i>		<u>633.50</u>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>		1,108.50
<i>Tolak: rebat cukai</i>		
• <i>Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	350.00	
• <i>Isteri - per. 6A(2)(b) ACP</i>	350.00	
• <i>Zakat - subseksyen 6A (3) ACP</i>	<u>450.00</u>	
	<u>1,150.00</u> dihadkan ¹	<u>1,108.50</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<u>Tiada</u>

¹ Lebihan rebat (RM1,150.00 - RM1,108.50) = RM41.50 tidak boleh dibayar balik kepada Zakri atau dibawa ke hadapan sebagai kredit untuk ditolak daripada tanggungan cukai pendapatan dikenakan ke atas Zakri untuk tahun-tahun taksiran berikutnya.

Contoh 39 - rebat zakat dalam kes pasangan tiada punca pendapatan

Isa dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Isa mempunyai jumlah pendapatan berjumlah RM65,000 bagi tahun berakhir 31.12.2004 manakala isteri beliau tidak bekerja. Isa dan isteri membayar zakat seperti berikut:

	RM
Isa	1,500
Isteri	1,000

Cukai pendapatan kena dibayar untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM	RM
<i>Jumlah pendapatan</i>		65,000
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	8,000	
<i>Isteri</i>	<u>3,000</u>	<u>11,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>54,000</u>
<i>Cukai atas 50,000 yang pertama</i>		3475.00
<i>Cukai atas baki 4,000 X 19%</i>		<u>760.00</u>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>		4,235.00
<i>Tolak: rebat cukai</i>		
<i>Zakat - subseksyen 6A (3) ACP</i>		
• <i>Suami</i>	1,500.00	
• <i>Isteri ¹</i>	<u>1,000.00</u>	<u>2,500.00</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<u>1,735.00</u>

¹ Secara amalan, zakat yang dibayar oleh isteri diberi potongan rebat zakat terhadap jumlah pendapatan yang dikenakan atas suami.

Contoh 40 - pemberian rebat zakat dalam kes pasangan tiada jumlah pendapatan

Alimin dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Mereka mempunyai pendapatan dan membayar zakat seperti berikut bagi tahun asas 2004:

	Alimin (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	Tiada- (rugi perniagaan 10,000)	45,000
Zakat	100	500

Pengiraan potongan zakat dan cukai pendapatan kena dibayar oleh isteri Alimin untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM	
<i>Jumlah pendapatan</i>		<i>45,000</i>
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>	
<i>Suami - subseksyen 45A(a) ACP</i>	<i>3,000</i>	<i>11,000</i>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<i><u>34,000</u></i>
<i>Cukai atas 20,000 yang pertama</i>		<i>475.00</i>
<i>Cukai atas baki 14,000 X 7%</i>		<i><u>980.00</u></i>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>		<i>1,455.00</i>
<i>Tolak: rebat cukai</i>		
<i>Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	<i>350.00</i>	
<i>Suami - per. 6A(2)(c) ACP</i>	<i><u>350.00</u></i>	<i>700.00</i>
<i>Zakat</i>	<i><u>500.00</u>¹</i>	<i><u>1,200.00</u></i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<i><u><u>255.00</u></u></i>

¹ Hanya zakat yang dibayar oleh isteri sahaja layak dituntut sebagai potongan terhadap cukai pendapatan dikenakan atas isteri. Zakat yang dibayar oleh suami tidak boleh dibenarkan sebagai rebat terhadap cukai yang dikenakan atas isteri.

Contoh 41 - rebat zakat dalam kes taksiran berasingan

Othman dan isteri bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Othman mempunyai jumlah pendapatan RM50,000 sementara jumlah pendapatan isteri adalah RM28,000. Othman membayar zakat sebanyak RM300 dan sementara isterinya pula membayar zakat RM200.

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai pendapatan kena dibayar oleh Othman dan isteri untuk tahun taksiran 2004 masing-masing adalah:

	Suami (RM)	Isteri (RM)
<i>Jumlah pendapatan</i>	50,000	28,000
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	<u>8,000</u>	<u>8,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>42,000</u>	<u>20,000</u>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>	2,435.00	475.00
<i>Tolak: rebat cukai</i>		
• <i>Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	Tiada	350.00
• <i>Zakat - subsek. 6A(3) ACP</i>	<u>300.00</u>	<u>200.00</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>	<u>2,135.00</u>	<u>Tiada</u>

¹ Potongan rebat yang layak dituntut oleh isteri dihadkan kepada cukai pendapatan kena dibayar - subsek. 6A(4) ACP.

Contoh 42 - rebat zakat dalam kes taksiran bersama

Mustaffa dan isterinya bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004. Isteri Mustaffa mempunyai jumlah pendapatan dan memilih taksiran bersama dengan suami. Mereka mempunyai jumlah pendapatan dan membayar zakat seperti berikut bagi tahun asas 2004:

	Mustaffa (RM)	Isteri (RM)
Jumlah pendapatan	30,000	10,000
Zakat	500	100

Pengiraan potongan rebat zakat dan cukai pendapatan kena dibayar untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	Mustaffa (RM)
<i>Jumlah pendapatan</i>	30,000
<i>Campur: Jumlah pendapatan isteri</i>	<u>10,000</u>
<i>Agregat jumlah pendapatan - per. 45(2)(a) ACP</i>	40,000
<i>Tolak: potongan</i>	
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	8,000
<i>Isteri</i>	<u>3,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<u>29,000</u>

	RM
Cukai atas 20,000	475.00
Cukai atas baki 9,000 X 7%	<u>630.00</u>
Jumlah cukai pendapatan dikenakan	1,105.00
<i>Tolak: rebat cukai</i>	
Diri - per. 6A(2)(a) ACP 350.00	
Isteri - per. 6A(2)(b) ACP 350.00	
Rebat zakat ¹ <u>600.00</u>	
1,300.00 ² Dihadkan kepada	<u>1,105.00</u>
Cukai pendapatan kena dibayar	<u>Tiada</u>

¹ Secara amalan, zakat yang dibayar oleh isteri diberi potongan rebat zakat terhadap cukai yang dikenakan atas suami.

² Jumlah rebat cukai yang boleh dibenarkan sebagai potongan adalah dihadkan kepada cukai pendapatan dikenakan - subsek. 6A(4)ACP.

8.3.5 **Rebat cukai atas pembelian komputer peribadi - subseksyen 6A(3A) ACP**

Individu yang bermastautin di Malaysia layak menuntut rebat cukai atas perbelanjaan membeli komputer peribadi yang bukan untuk tujuan perniagaan. Komputer peribadi termasuk *laptop* dan *desktop* tetapi tidak termasuk *palmtop*, *Personal Digital Assistant (PDA)* dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, tuntutan rebat cukai yang dibenarkan adalah dihadkan kepada maksimum RM500 untuk pasangan suami isteri dan boleh menuntut setiap 5 tahun sekali. Amaun rebat yang diberikan kepada individu yang bermastautin bagi pembelian komputer peribadi sebelum tahun taksiran 2005 adalah RM400.

Contoh 43 - rebat pembelian komputer peribadi

Lee membeli sebuah komputer peribadi dengan harga RM5,000 pada 15 Mei 2004 untuk kegunaan peribadi. Pada 2 Januari 2005, isteri beliau pula membeli sebuah lagi komputer peribadi berharga RM3,500. Pada masa yang sama, Lee telah membeli beberapa aksesori dan membuat penambahbaikan kepada komputernya yang menelan belanja RM3,000.

Bagi tahun taksiran 2004, Lee layak menuntut rebat sebanyak RM400 bagi pembelian komputer peribadi yang digunakan bukan untuk tujuan perniagaan di dalam mengira cukai pendapatan kena dibayar olehnya. Walau bagaimanapun, untuk tahun taksiran 2005, Lee dan isteri, walaupun ditaksir berasingan tidak layak menuntut rebat cukai bagi -

- *perbelanjaan aksesori dan penambahbaikan kepada komputer Lee; dan*
- *pembelian komputer peribadi oleh isteri.*

Contoh 44 - pembelian komputer peribadi secara sewa-beli

Siva membeli sebuah komputer peribadi secara sewa-beli. Beliau membayar wang pendahuluan sebanyak RM1,000 pada 2.1.2005 dan dikenakan ansuran bulanan sebanyak RM500 selama dua belas (12) bulan. Ansuran pertama bermula pada 2.2.2005 dan tamat pada 2.1.2006.

Siva layak menuntut rebat RM500 di dalam mengira jumlah cukai yang dikenakan ke atasnya untuk tahun taksiran 2005 bagi pembelian satu komputer peribadi. Beliau tidak layak lagi menuntut rebat bagi pembelian komputer peribadi sehingga tahun taksiran 2010.

Contoh 45 - resit pembelian komputer peribadi di bawah nama anak

Nora yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004, mempunyai pendapatan daripada penggajian berjumlah RM50,000 bagi tahun berakhir 31.12.2004. Dia juga membuat perbelanjaan seperti berikut:

- caruman kepada KWSP RM5,500;
- menyara pengajian anak melebihi 18 tahun yang sedang menuntut di universiti tempatan - RM12,000; dan
- membeli komputer peribadi baru - RM7,000 (resit dikeluarkan di bawah nama anak Nora yang sedang menuntut di universiti).

Pengiraan cukai untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>Penggajian/Jumlah pendapatan</i>		50,000
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	8,000	
<i>Anak RM 1,000 X 4</i>	4,000	
<i>Caruman KWSP RM5,500 dihadkan kpd</i>	<u>5,000</u>	<u>17,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>33,000</u>
<i>Cukai atas 20,000 yang pertama</i>		475.00
<i>Cukai atas baki 13,000 X 7%</i>		<u>910.00</u>
<i>Jumlah cukai yang dikenakan</i>		1,385.00
<i>Tolak: Rebat</i>		
<i>Diri - per. 6A(2)(a) ACP</i>	350.00	
<i>Pembelian komputer - subseksyen 6A(3A) ACP ¹</i>	<u>400.00</u>	<u>750.00</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<u>635.00</u>

¹ rebat bagi pembelian komputer masih diberi kepada Nora walaupun resit dikeluarkan di bawah nama anaknya.

8.3.6 **Rebat cukai atas fi pekerja asing - seksyen 6C ACP**



**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

Individu yang bermastautin layak menuntut rebat cukai atas fi (disebutkan sebagai levi oleh Jabatan Imigresen Malaysia) yang dibayar kepada kerajaan untuk mendapat pas pekerjaan, pas lawatan atau pas kerja dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran. Jika bayaran fi melebihi cukai yang dikenakan, lebihan tersebut tidak akan dikembalikan kepada individu atau ianya tidak akan dikira sebagai kredit cukai yang boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada cukai tahun-tahun berikutnya.

Fi yang dibayar dalam tahun asas untuk sesuatu tahun taksiran diberi tolakan sebelum sebarang kredit cukai di bawah seksyen 110. Biasanya, rebat cukai ini layak dituntut oleh pekerja asing bukan warganegara yang bekerja di Malaysia yang mempunyai pas pekerjaan atau pas kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, Malaysia.

Contoh 46 - rebat cukai atas bayaran fi

George adalah seorang warganegara asing yang berkhidmat di Malaysia atas pas pekerjaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, Malaysia pada 1.1.2004. Dalam pasport beliau tercatat dengan jelas butir-butir berikut:

Untuk Penggajian Sebagai Jurutera Tapak
Dengan Syarikat ABC Sdn Bhd di Semenanjung Malaysia sahaja
Pas Pekerjaan RM1,100
Levi dibayar RM1,200
No. Resit XXXXXX

George layak menuntut rebat cukai untuk tahun taksiran 2004 sebanyak RM1,200 bagi levi yang dibayar kepada Jabatan Imigresen Malaysia.

Sekiranya cukai pendapatan yang dikenakan ke atas George untuk tahun taksiran 2004 adalah RM1,000, rebat yang layak dituntut untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

	RM
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>	<i>1,000.00</i>
<i>Tolak:</i>	
<i>Rebat sek 6C ACP - levi RM1,200 dihad kepada</i>	<i>1.000.00¹</i>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>	<u><i>Tiada</i></u>

¹*Baki levi RM200 yang dibayar tidak akan dikira sebagai kredit cukai yang boleh dibawa ke hadapan untuk dipotong daripada cukai tahun-tahun berikutnya.*

9. Tolakan kredit cukai daripada dividen - seksyen 110 ACP



**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005

Sebelum dividen dibayar kepada pemegang saham, terlebih dahulu syarikat memotong cukai atas pendapatan dividen yang diisytiharkan. Cukai atas dividen yang telah dipotong daripada pendapatan dividen oleh syarikat diberi sebagai kredit cukai kepada pemegang saham atau individu berkenaan dalam mengira cukai pendapatan kena dibayar. Jika kredit cukai atas dividen melebihi jumlah cukai pendapatan dikenakan, lebihan kredit cukai akan dibayar balik kepada individu berkenaan.

Contoh 47

Razif dan isterinya Rozie, yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004, mempunyai pendapatan daripada punca penggajian dan dividen dan mereka membuat perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2004 seperti berikut:

Pendapatan/bayaran	Razif (RM)	Isteri (RM)
Penggajian	49,000	Tiada
Dividen kasar (Malaysia)	Tiada	2,000
Caruman KWSP	5,500	Tiada
Zakat kepada PPZ, W.P., Kuala Lumpur	300	Tiada

Rozie memilih supaya jumlah pendapatannya diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami di bawah taksiran bersama.

Pengiraan pendapatan bercukai Razif untuk tahun taksiran 2004:

	<i>Razif (RM)</i>	<i>Isteri (RM)</i>
<i>Penggajian</i>	<i>49,000</i>	<i>Tiada</i>
<i>Dividen kasar</i>	<i><u>Tiada</u></i>	<i><u>2,000</u></i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>49,000</i>	<i>2,000</i>
<i>Tolak: jumlah pendapatan isteri</i>		<i><u>2,000</u></i>
		<i><u>Tiada</u></i>
<i>Campur: Jumlah pendapatan isteri</i>	<i><u>2,000</u></i>	
<i>Agregat jumlah pendapatan Razif</i>	<i>51,000</i>	
<i>Tolak: potongan diri dan saudara tanggungan</i>	<i>8,000</i>	
<i>potongan isteri</i>	<i>3,000</i>	
<i>caruman KWSP RM5,500, dihadkan kepada</i>	<i><u>5,000</u></i>	<i><u>16,000</u></i>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<i><u>35,000</u></i>

	RM	RM
--	-----------	-----------

<i>Cukai pendapatan dikenakan atas RM35,000</i>		1,525.00
<i>Tolak: potongan rebat</i>		
<i>Rebat persendirian - per 6A(2)(a) & (b) ACP</i>		
• <i>Diri</i>	350.00	
• <i>Isteri</i>	350.00	
<i>Rebat zakat</i>	<u>300.00</u>	<u>1,000.00</u>
		525.00
<i>Tolak: kredit cukai daripada dividen 2,000 X 28%</i>		<u>560.00</u> ¹
<i>Cukai dibayar balik</i>		<u>35.00</u>

¹ Dalam kes taksiran bersama, subseksyen 110(12) ACP membolehkan lebihan kredit cukai daripada dividen isteri diberikan kepada suami.

Contoh 48

Amanda yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004, mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

Pendapatan	RM
Penggajian	54,000
Dividen kasar (Malaysia)	1,000

Dia juga melakukan perbelanjaan seperti berikut:

- caruman kepada KWSP RM5,940;
- menyara pengajian 2 orang anak melebihi 18 tahun yang sedang menuntut di universiti tempatan - RM12,500; dan
- membeli komputer peribadi baru - RM5,000.

Pengiraan cukai pendapatan kena dibayar untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM	RM
<i>Penggajian</i>		54,000
<i>Dividen kasar (Malaysia)</i>		<u>1,000</u>
<i>Jumlah pendapatan</i>		55,000
<i>Tolak: potongan</i>		
<i>Diri dan saudara tanggungan</i>	8,000	
<i>Anak RM 1,000 X 4 X 2</i>	8,000	
<i>Caruman KWSP RM5,940 dihadkan kepada</i>	<u>5,000</u>	<u>21,000</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>34,000</u>
	RM	RM
<i>Cukai atas 20,000 yang pertama</i>		475.00

<i>Cukai atas baki 14,000 X 7%</i>		<u>980.00</u>
<i>Jumlah cukai pendapatan dikenakan</i>		1,455.00
<i>Tolak: Rebat</i>		
<i>Diri - per 6A(2)(a) ACP</i>	350.00	
<i>Pembelian komputer - subseksyen 6A(3A) ACP¹</i>	<u>400.00</u>	<u>750.00</u>
		705.00
<i>Tolak: kredit cukai daripada dividen (1,000 X 28%)</i>		<u>280.00</u>
<i>Cukai pendapatan kena dibayar</i>		<u>425.00</u>

10. Tolakan kredit dua belah pihak- Seksyen 132 ACP

- 10.1 Kredit cukai dua belah pihak layak dituntut oleh individu yang bermastautin di Malaysia apabila sejumlah pendapatan dikenakan cukai dua kali untuk satu tahun taksiran yang sama, iaitu dikenakan cukai di negara di mana pendapatan terbit dan sekali lagi di negara di mana individu bermastautin, dan Malaysia mengadakan perjanjian pengelakan cukai dua kali dengan negara tersebut.
- 10.2 Pengiraan kredit ini adalah seperti berikut:

<p>Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit dua belah pihak</p>	X	<p>Pendapatan asing yang dikenakan cukai dua kali _____</p> <p>Jumlah pendapatan bagi tahun taksiran berkenaan</p>
atau		
<p>Cukai asing yang dikenakan berhubung dengan pendapatan (asing) yang dikenakan cukai dua kali, yang mana kurang</p>		

11. Tolakan kredit sebelah pihak - Seksyen 133 ACP

- 11.1 Kredit cukai sebelah pihak layak dituntut oleh individu yang bermastautin atau tidak bermastautin di Malaysia apabila sejumlah pendapatan dikenakan cukai dua kali untuk satu tahun taksiran yang sama, iaitu dikenakan cukai di negara di mana pendapatan terbit dan dikenakan cukai sekali lagi di negara di mana individu berada, dan Malaysia tidak mengadakan sebarang perjanjian pengelakan cukai dua kali dengan negara berkenaan.
- 11.2 Pengiraan kredit cukai adalah seperti dalam perenggan 10.2 tetapi tidak boleh melebihi setengah daripada cukai asing yang kena dibayar berhubung dengan pendapatan asing yang dikenakan cukai dua kali itu bagi tahun itu.



**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

12. Bayaran cukai isteri atau suami di bawah taksiran bersama

Sekiranya pendapatan suami dan isteri ditaksir bersama atas nama salah seorang daripada mereka, suami atau isteri yang ditaksir itu adalah bertanggungjawab untuk membayar cukai tersebut. Walau bagaimanapun, jika perlu, cukai yang dibayar atas pendapatan isteri atau suami boleh dipungut daripada salah seorang daripada mereka mengikut formula berikut:

$$\text{Cukai yang dikenakan atas suami/ isteri} = \frac{\text{Jumlah pendapatan suami/ isteri}}{\text{Agregat jumlah pendapatan suami dan isteri}} \times \text{Jumlah cukai yang dikenakan ke atas suami/ isteri untuk tahun taksiran tersebut}$$

13. Bukti bayaran

Semua resit dan dokuman sokongan berkaitan dengan tuntutan potongan dan rebat tidak perlu dikemukakan bersama-sama dengan Borang Cukai Pendapatan. Walau bagaimanapun, resit dan dokumen tersebut hendaklah disimpan dengan rapi selama tujuh (7) tahun dari akhir tahun taksiran di mana Borang Cukai Pendapatan dikemukakan bagi tujuan audit. Di mana terdapat kes bayaran balik, baucer asal dividen hendaklah dikepilkan bersama-sama Borang Cukai Pendapatan semasa borang tersebut dikemukakan ke LHDN.

14. Ketetapan ini berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 2004 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri

LAMPIRAN A

PENENTUAN TARAF MASTAUTIN

1. Bagi menentukan taraf mastautin seorang individu perlu lihat kepada kiraan hari individu berada di Malaysia di dalam tahun asas untuk tahun taksiran. Dalam setengah keadaan, kiraan hari bagi tahun-tahun asas sebelum atau tahun-tahun asas selepas bagi sesuatu tahun taksiran perlu juga dibuat.
2. Terdapat 4 keadaan yang menentukan sama ada seseorang individu bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran. Jika dalam mana-mana tahun asas yang tertentu individu didapati tidak termasuk dalam mana-mana keadaan tersebut, ianya dianggap tidak bermastautin bagi tahun asas tersebut.
3. Apabila mengira bilangan hari seseorang individu berada di Malaysia, sebahagian daripada satu hari adalah dikira sebagai satu hari penuh.

Contoh 1

Woods sampai ke Malaysia pada jam 11.00 malam pada 1.12.2004 dan bertolak pada 2.00 pagi pada 11.12.2004.

Beliau telah berada di Malaysia selama 11 hari.

4. Keadaan menentukan taraf mastautin

Terdapat empat keadaan yang menentukan taraf mastautin individu seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 7 ACP.

4.1 Perenggan 7(1)(a) ACP

- 4.1.1 Jika seorang individu berada di Malaysia untuk suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 182 hari atau lebih dalam satu tahun asas, dia adalah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas berkenaan.

Contoh 2

Augustin berada di Malaysia dari 1.3.2004 hingga 30.9.2004 (214 hari).

Augustin bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004 untuk tahun taksiran 2004.

- 4.1.2 Tempoh individu berada di Malaysia tidak semestinya berterusan.

Contoh 3

Angeline berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

<u>Tempoh</u>	<u>Bilangan hari</u>	<u>Jumlah hari</u>
1.3.2004 hingga 30.6.2004	122 hari)	= 183 hari
1.8.2004 hingga 30.9.2004	61 hari)	

Angeline bermastautin di Malaysia dalam tahun asas 2004 untuk tahun taksiran 2004.

4.2 Perenggan 7(1)(b) ACP

4.2.1 Jika tempoh individu berada di Malaysia dalam tahun asas kurang daripada 182 hari tetapi tempoh berada di Malaysia bersambung dengan atau kepada -

- suatu tempoh 182 hari atau lebih yang berterusan dalam tahun asas untuk tahun taksiran berikutnya; atau
- suatu tempoh 182 hari atau lebih berterusan dalam tahun asas untuk tahun taksiran sebelumnya,

individu dikenakan adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas tersebut walaupun dia berada di Malaysia kurang daripada 182 hari.

4.2.2 Dalam mengira tempoh 182 hari atau lebih yang berterusan, kelonggaran syarat diberi di mana tempoh “ketiadaan sementara” (tempoh individu tidak berada di Malaysia) boleh dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh yang -

- kurang daripada 182 hari; dan/atau
- 182 hari atau lebih,

bagi tujuan mengaitkan kedua-dua tempoh dikenakan tetapi dengan syarat, individu mesti berada di Malaysia sebelum dan selepas tempoh ketiadaan sementara itu.

4.2.3 “Ketiadaan sementara” yang dibenarkan adalah -

- i. ketiadaan yang bersangkutan dengan perkhidmatannya di Malaysia seperti menghadiri mesyuarat atau seminar atau belajar di luar negeri;
- ii. ketiadaan akibat daripada kesihatan diri atau ahli keluarga yang terdekat (keluarga terdekat bermaksud ibu, bapa, anak, isteri atau suami); dan
- iii. ketiadaan kerana lawatan sosial yang tidak melebihi 14 hari kesemuanya (lawatan sosial merangkumi sebarang bentuk percutian di luar Malaysia disamping percutian untuk balik ke negara asal).

Contoh 4

Benson berada di Malaysia dan England untuk tempoh berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada</u>	<u>Bilangan hari</u>
2004	15.05.2004 - 23.12.2004 (di Malaysia)	222
	24.12.2004 - 31.12.2004 (di England)	8 (lawatan sosial)
2005	01.01.2005 - 02.01.2005 (di England)	2 (lawatan sosial)
	03.01.2005 - 31.03.2005 (di Malaysia)	88

Benson meninggalkan Malaysia pada 1 April 2005.

Benson bermastautin bagi tahun taksiran 2005 atas alasan berikut:

- i. *Ketiadaan Benson di Malaysia pada 31.12.2004 dan 01.01.2005 dianggap sebagai "ketiadaan sementara";*
- ii. *Dia memenuhi syarat "ketiadaan sementara" berhubung dengan lawatan sosial yang tidak melebihi 14 hari; dan*
- iii. *Dia berada di Malaysia sebelum dan selepas tempoh "ketiadaan sementara".*

Contoh 5

Kim tiba di Malaysia pada 5 Januari 2004. Kontrak penggajiannya di Malaysia adalah untuk setahun dan berakhir pada 4 Januari 2005. Pada 23 Disember 2004, Kim kembali ke Seoul untuk melawat keluarganya dan dia tidak kembali ke Malaysia selepas itu.

Walaupun Kim berada di luar Malaysia atas lawatan sosial yang tidak melebihi 14 hari, tempoh tersebut tidak boleh dianggap sebagai "ketiadaan sementara" kerana dia tidak berada di Malaysia selepas ketiadaan sementara tersebut. Oleh yang demikian, dia tidak bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2005.

Contoh 6

Dengan menggunakan Contoh 5 di atas, Kim kembali ke Malaysia pada 4 Januari 2005 sebelum pulang ke Seoul 2 hari kemudian.

Tempoh di antara 23 Disember 2004 hingga 4 Januari 2005 (13 hari) adalah dianggap sebagai "ketiadaan sementara" kerana Kim berada di Malaysia selepas "ketiadaan sementara" tersebut. Dengan itu, dia adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2005.

Contoh 7

Hughes berada di Malaysia, Singapura dan USA untuk tempoh berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada</u>	<u>Bilangan hari</u>
2004	01.12.2004 - 22.12.2004 (Malaysia)	22
	23.12.2004 - 28.12.2004 (Singapura)	6 (lawatan sosial)
	29.12.2004 - 29.12.2004 (Malaysia)	1
	30.12.2004 - 31.12.2004 (USA)	2 (lawatan sosial)
2005	01.01.2005 - 10.01.2005 (USA)	10 (lawatan sosial)
	11.01.2005 - 31.12.2005 (Malaysia)	355

Hughes bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2004 kerana tempoh di antara 30 Disember 2004 hingga 10 Januari 2005 adalah dianggap sebagai "ketiadaan sementara". Tempoh di antara 23 hingga 28 Disember 2004 tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh yang bersambung kedua-dua tahun tersebut.

Contoh 8

Takayama memulakan penggajiannya pada 10 September 2004 dan tempoh dia berada di Malaysia dan Jepun adalah seperti berikut;

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada</u>	<u>Bilangan hari</u>
2004	10.09.2004 - 14.12.2004 (Malaysia)	96
	15.12.2004 - 31.12.2004 (Jepun)	17 (lawatan sosial)
2005	01.01.2005 - 03.01.2005 (Jepun)	3 (lawatan sosial)
	04.01.2005 - 31.12.2005	362

Takayama tidak bermastautin bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2004 kerana dia berada di luar negara selama 20 hari (melebihi had 14 hari).

Sekiranya Takayama meninggalkan Malaysia pada 17 Disember 2004 dan kemudian kembali ke Malaysia pada 1 Januari 2005, tempoh dari 18 Disember 2004 hingga 31 Disember 2004 boleh dianggap sebagai "ketiadaan sementara". Takayama tidak boleh keluar Malaysia selepas tarikh ini bagi tujuan lawatan sosial sehingga sekurang-kurangnya selepas 1 Julai 2005 (iaitu selepas berada di Malaysia selama suatu tempoh yang sekurang-kurangnya 182 hari berturut-turut). Ini kerana tempoh "ketiadaan sementara" itu telah digunakan sepenuhnya dalam tahun 2004.

Jika Takayama meninggalkan Malaysia bagi tujuan lawatan sosial sebelum 1 Julai 2005, tempoh di antara 1 Januari 2005 hingga 1 Julai 2005 tidak boleh dianggap sebagai berterusan. Dalam kes ini, Takayama adalah tidak bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2004.

4.3 Perenggan 7(1)(c) ACP

4.3.1 Jika seorang individu berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih (hari-hari itu tidak perlu berterusan) di dalam suatu tahun asas, dia adalah bermastautin jika sekiranya tiga daripada empat tahun sebaik-baik sahaja sebelum tahun asas tersebut beliau adalah:

- bermastautin berdasarkan mana-mana perenggan di bawah seksyen 7 ACP; atau
- berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih.

Contoh 9

Jemina berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada</u>	<u>Jumlah hari</u>
--------------	----------------------	--------------------



**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

2000	01.05.2000 - 15.08.2000	107
2001	01.05.2001 - 20.05.2001	20
2002	01.01.2002 - 30.09.2002	273
2003	01.03.2003 - 30.10.2003	245
2004	01.01.2004 - 20.02.2004(51) 01.04.2004 - 31.05.2004(61)	= 112

Kedudukan mastautin bagi Jemina adalah seperti berikut:

<u>Tahun asas</u>	<u>Taraf mastautin</u>	<u>Perenggan</u>
2000	Tidak bermastautin	-
2001	Tidak bermastautin	-
2002	Bermastautin	7(1)(a) ACP
2003	Bermastautin	7(1)(a) ACP
2004	Bermastautin	7(1)(c) ACP

Bagi tahun asas 2004, Jemina bermastautin di bawah perenggan 7(1)(c) oleh kerana dia-

- berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih dalam tahun asas 2004 (112 hari): dan*
- bermastautin (tahun asas 2002 dan 2003) atau berada di Malaysia untuk 90 hari atau lebih bagi tiga asas (tahun 2003, 2002 dan 2000) daripada empat tahun asas sebelumnya.*

Contoh 10

Watson berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada di Malaysia</u>	<u>Jumlah hari</u>
2000	01.10.2000 - 15.10.2000	15
2001	01.03.2001 - 31.03.2001 (31) 01.06.2001 - 30.06.2001 (61)	= 92
2002	01.04.2002 - 15.07.2002	106
2003	01.10.2003 - 31.12.2003	92
2004	01.08.2004 - 30.11.2004	122

Kedudukan mastautin bagi Watson adalah seperti berikut:

<u>Tahun asas</u>	<u>Taraf mastautin</u>	<u>Perenggan</u>
2000	Tidak bermastautin	-
2001	Tidak bermastautin	-

2002	<i>Tidak bermastautin</i>	-
2003	<i>Tidak bermastautin</i>	-
2004	<i>Bermastautin</i>	7(1)(c) ACP

Bagi tahun asas 2004, Watson bermastautin di bawah perenggan 7(1)(c) ACP kerana -

- dia berada di Malaysia untuk suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih (iaitu 122 hari): dan*
- tiga daripada empat tahun asas sebelumnya, dia berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih (tahun 2001, 2002, 2003).*

4.3.2 Individu tidak perlu bermastautin di Malaysia bagi kesemua tiga atau empat tahun asas sebaik-baiknya sahaja sebelum tahun asas itu. Memadai jika dia bermastautin bagi dua daripada tahun asas tersebut dan berada di Malaysia selama 90 atau lebih dalam mana-mana daripada tahun asas yang lain.

Contoh 11

Peters berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada di Malaysia</u>	<u>Bilangan hari</u>
2000	01.05.2000 - 20.05.2000	20
2001	01.01.2001 - 31.12.2001	365
2002	01.01.2002 - 21.01.2002	21
2003	01.06.2003 - 31.08.2003	91
2004	01.01.2004 - 30.04.2004	120

Kedudukan taraf mastautin Peters adalah seperti berikut:

<u>Tahun asas</u>	<u>Taraf mastautin</u>	<u>Perenggan</u>
2000	<i>Tidak bermastaitin</i>	-
2001	<i>Bermastautin</i>	7(1)(a) ACP
2002	<i>Bermastautin</i>	7(1)(b) ACP
2003	<i>Tidak bermastautin</i>	-
2004	<i>Bermastautin</i>	7(1)(c) ACP

Bagi tahun asas 2004 Peters bermastautin di bawah perenggan 7(1)(c) ACP kerana:

- dia berada di Malaysia untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah 90 hari atau lebih dalam tahun asas tersebut: dan*

- *tiga daripada empat tahun sebelumnya dia bermastautin (tahun 2002 dan 2001) atau berada di Malaysia selama 90 hari atau lebih (tahun 2003).*

4.4 Perenggan 7(1)(d) ACP

- 4.4.1 Individu dianggap bermastautin bagi suatu tahun asas sekiranya dia bermastautin untuk tahun asas yang berikutnya dan juga tiga tahun asas sebelumnya. Dengan yang demikian, individu layak menjadi pemastautin di bawah perenggan 7(1)(d) ACP walaupun dia langsung tidak berada di Malaysia dalam tahun asas tersebut.

Contoh 12

Nicholas berada di Malaysia untuk tempoh berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada di Malaysia</u>	<u>Bilangan hari</u>
2000	11.10.2000 - 31.12.2000	82
2001	01.01.2001 - 31.12.2001	365
2002	01.01.2002 - 30.09.2002	273
2003	01.04.2003 - 04.04.2003	4
2004	01.04.2004 - 31.12.2004	275

Kedudukan mastautin bagi Nicholas adalah seperti berikut:

<u>Tahun asas</u>	<u>Taraf mastautin</u>	<u>Perenggan</u>
2000	<i>Bermastautin</i>	7(1)(b) ACP
2001	<i>Bermastautin</i>	7(1)(a) ACP
2002	<i>Bermastautin</i>	7(1)(a) ACP
2003	<i>Bermastautin</i>	7(1)(d) ACP
2004	<i>Bermastautin</i>	7(1)(a) ACP

Contoh 13

Stanley berada di Malaysia untuk tempoh-tempoh berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Tempoh berada di Malaysia</u>	<u>Bilangan hari</u>
2000	01.01.2000 - 31.10.2000	304
2001	01.01.2001 - 31.12.2001	365
2002	01.01.2002 - 21.01.2002	21
2003	Tidak berada di Malaysia	
2004	15.05.2004 - 23.12.2004	206

Kedudukan mastautin bagi Stanley adalah seperti berikut:

<u>Tahun asas</u>	<u>Taraf mastautin</u>	<u>Perenggan</u>
2000	<i>Bermastautin</i>	7(1)(a) ACP



**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

2001	<i>Bermastautin</i>	7(1)(a) ACP
2002	<i>Bermastautin</i>	7(1)(b) ACP
2003	<i>Bermastautin</i>	7(1)(d) ACP
2004	<i>Bermastautin</i>	7(1)(a) ACP

Walaupun Stanley tidak pernah berada di Malaysia dalam tahun asas 2003, dia adalah bermastautin bagi tahun asas tersebut kerana dia-

- bermastautin bagi tahun asas 2004, iaitu tahun asas berikutnya; dan*
- bermastautin bagi tiga tahun asas sebelumnya iaitu bagi tahun asas 2000, 2001 dan 2002.*

LAMPIRAN B

POTONGAN BAGI BAYARAN FAEDAH

ATAS PINJAMAN MEMBELI RUMAH KEDIAMAN

1. Syarat kelayakan

Individu bermastautin di Malaysia yang membayar faedah atas pinjaman membeli rumah kediaman siap adalah dibenarkan potongan, tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Rumah kediaman adalah rumah pertama yang dibeli untuk dijadikan tempat tinggal sendiri.

'Rumah kediaman pertama' termasuk rumah kediaman kedua yang dibeli yang berikutan penjualan rumah kediaman kos rendah miliknya.

'Rumah kediaman kos rendah' bermakna satu-satunya rumah kediaman yang dimiliki untuk tempoh tidak kurang daripada 5 tahun dan berharga tidak lebih daripada RM42,000.

Contoh 1

Ali telah membeli sebuah rumah kediaman kos rendah berharga RM35,000 pada 2 Januari 1996 yang kemudiannya dijual pada 2 Mac 2003. Selepas itu, Ali membeli pula sebuah rumah kediaman berharga RM130,000 daripada pemaju perumahan. Surat Perjanjian Jual Beli adalah di tandatangani pada 1 Julai 2003. Ali bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2003.

Ali layak menuntut perbelanjaan faedah atas pinjaman yang diambil untuk membiayai pembelian rumah kediaman kedua disebabkan rumah kediaman kos rendah yang dimiliki sebelum ini telah dijual.

- ii. Rumah kediaman hendaklah dibeli daripada pemaju perumahan, badan berkanun atau badan koperasi.

'Rumah kediaman' bermakna rumah siap, unit kondominium, apartmen atau rumah pangsa yang sudah siap dan dibina sebagai tempat kediaman.

'Pemaju perumahan' bermakna pemaju perumahan yang dilesenkan di bawah Housing Development (Control and Licensing) Act 1966.

'Badan berkanun' bermakna badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri atau Persekutuan.

'Badan koperasi' bermakna badan koperasi yang didaftarkan atau dianggap sebagai didaftarkan di bawah Co-operative Societies Act 1993.

- iii. Harga belian rumah kediaman hendaklah tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak lebih daripada RM180,000.

- iv. Perjanjian Jual Beli hendaklah ditandatangani mulai 1 Jun 2003 hingga 31 Mei 2004.

Contoh 2

Bakar, bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2003 telah membeli sebuah rumah kediaman berharga RM150,000 daripada sebuah koperasi. Perjanjian Jual Beli telah ditandatangani pada 1 Mei 2003. Pembelian rumah itu dibiayai oleh suatu pinjaman perumahan. Bakar mula membayar faedah atas pinjaman mulai Julai 2003.

*Bakar **tidak** layak mendapat potongan bagi perbelanjaan faedah ke atas pinjaman yang dibayar disebabkan Perjanjian Jual Beli rumah ditandatangani sebelum 1 Jun 2003.*

Contoh 3

Chai Yean bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2003 telah membeli sebuah rumah kediaman berharga RM170,000 daripada pemaju perumahan. Perjanjian Jual Beli ditandatangani pada 1 Julai 2003. Pembelian rumah tersebut dibiayai oleh suatu pinjaman perumahan. Chai Yean membayar faedah atas pinjaman mulai 1 September 2003.

*Bagi tahun taksiran 2003, Chai Yean **layak** menuntut potongan faedah yang dibayar ke atas pinjaman tersebut dari bulan September hingga Disember 2003 kerana Perjanjian Jual Beli ditandatangani selepas 1 Jun 2003 tetapi tidak melampaui 31 Mei 2004.*

2. Amaun potongan

Amaun potongan faedah yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- i. RM5,000 untuk tahun taksiran 2003;
- ii. RM3,000 untuk tahun taksiran 2004; dan
- iii. RM2,000 untuk tahun taksiran 2005.

Contoh 4

Daniel, bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2003 telah membeli sebuah rumah kediaman berharga RM140,000 pada 15 Jun 2003 daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Pembelian rumah tersebut dibiayai oleh satu pinjaman perumahan. Dia membayar faedah sebanyak RM3,500 ke atas pinjaman tersebut di antara bulan Julai hingga Disember 2003.

Daniel layak menuntut potongan kesemua RM3,500 untuk tahun taksiran 2003.

Contoh 5

Lanjutan kepada Contoh 4, Daniel membayar faedah berjumlah RM6,000 dalam tahun 2004 dan RM5,500 dalam tahun 2005.

Daniel hanya layak menuntut RM3,000 untuk tahun taksiran 2004 dan RM2,000 dalam tahun 2005.

3. Tuntutan oleh dua orang atau lebih

Jika terdapat dua atau lebih individu layak menuntut potongan faedah ke atas sebuah rumah kediaman dan jumlah faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu itu melebihi amaun yang dibenarkan bagi tahun berkenaan, potongan yang dibenarkan bagi setiap individu untuk setiap tahun taksiran ditentukan seperti berikut:

Amaun faedah dibenarkan dalam tahun berkenaan	X	Faedah dibelanjakan oleh individu berkenaan dalam tahun berkenaan _____ Faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan
---	---	--

Contoh 6

Shakira dan Amir berkongsi membeli sebuah rumah kediaman siap berharga RM150,000 daripada pemaju perumahan. Perjanjian Jual Beli ditandatangani pada 31 Julai 2003. Mereka mengambil pinjaman secara berasingan dan membayar faedah ke atas pinjaman masing-masing. Jumlah faedah yang dibelanjakan dan layak dituntut sebagai potongan oleh Shakira dan Amir adalah seperti berikut:

Tahun		Shakira (RM)	Amir (RM)	Jumlah (RM)
2003	Dibelanjakan	2,500	2,000	4,500
	Layak dituntut	2,500	2,000	4,500
2004	Dibelanjakan	4,000	3,500	7,500
	Layak dituntut	$3,000 \times \frac{4,000}{7,500}$ = 1,600	$3,000 \times \frac{3,500}{7,500}$ = 1,400	3,000

Jika Shakira dan Amir mengambil satu pinjaman perumahan atas nama mereka (satu akaun pinjaman atas dua nama), setiap seorang layak menuntut perbelanjaan faedah berdasarkan amaun faedah yang dibayar mengikut formula di atas.

4. Tuntutan oleh suami atau isteri

Sekiranya seorang isteri atau suami memilih taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) ACP, faedah yang dibayar oleh isteri atau suami adalah dianggap sebagai dibayar oleh suami kepada isteri yang memilih taksiran bersama atau isteri kepada suami yang memilih taksiran bersama.

Contoh 7

Suraya bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2003 dan 2004. Dia membeli sebuah rumah kediaman berharga RM150,000 daripada pemaju perumahan pada 1.10.2003 melalui pinjaman perumahan. Dia membayar faedah berjumlah RM3,000



**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

ke atas pinjaman tersebut dalam tahun 2004. Suraya memilih untuk ditaksir bersama di bawah nama suami untuk tahun taksiran 2004.

Faedah RM3,000 yang dibelanjakan oleh Suraya dalam tahun asas 2004 adalah dianggap sebagai telah dibelanjakan oleh suami yang layak menuntut potongan ke atas faedah tersebut untuk tahun taksiran 2004.

5. Tuntutan oleh suami atau isteri yang tidak mempunyai jumlah pendapatan

Sekiranya isteri atau suami tidak mempunyai jumlah pendapatan, faedah yang dibayar oleh isteri atau suami hendaklah juga dianggap sebagai dibayar oleh suami atau isteri masing-masing.

Contoh 8

Dalam tahun 2004, Feizril dan isterinya, Shaliza masing-masing telah membayar faedah sebanyak RM1,500 seorang ke atas pinjaman yang diambil untuk membeli sebuah rumah kediaman siap berharga RM170,000 daripada pemaju perumahan. Feizril tidak mempunyai jumlah pendapatan bagi tahun asas 2004.

Faedah RM1,500 yang dibayar oleh Feizril adalah dianggap sebagai telah dibelanjakan oleh, isterinya, Shaliza. Di dalam mengira pendapatan bercukai untuk tahun taksiran 2004, Shaliza layak menuntut potongan berjumlah RM3,000 iaitu RM1,500 ke atas faedah yang dibayar olehnya dan RM1,500 bagi faedah yang dibayar oleh suami.

6. Prosedur membuat tuntutan

Tuntutan bagi potongan ke atas faedah pinjaman perumahan yang dilakukan boleh dibuat dengan mengisi ruang D9 di dalam Borang Cukai Pendapatan B dan BE.

LAMPIRAN C

JADUAL CUKAI BAGI INDIVIDU YANG BERMASTAUTIN

BANJARAN	PENGIRAAN	KADAR	CUKAI
-----------------	------------------	--------------	--------------



**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH INDIVIDU
BERMASTAUTIN**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh Keluaran: 6 Jun 2005**

PENDAPATAN BERCUKAI	RM	%	RM
0 - 2,500	2,500 pertama	0	0
2,501 - 5,000	2,500 berikutnya	1	25
5,001 - 10,000	5,000 pertama 5,000 berikutnya	3	25 150
10,001 - 20,000	10,000 pertama 10,000 berikutnya	3	175 300
20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	7	475 1,050
35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	13	1,525 1,950
50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	19	3,475 3,800
70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	24	7,275 7,200
100,001 - 150,000	100,000 pertama 50,000 berikutnya	27	14,475 13,500
150,001 - 250,000	150,000 pertama 100,000 berikutnya	27	27,975 27,000
Lebih 250,000	250,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	28	54,975